



Kejayaan pentabiran cemerlang Pakatan

Selangor model terbaik tadbir Putrajaya

LAPORAN PENUH



MUKA 2-4



PEMERINTAHAN

Selangor di bawah Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali terus menjadi tanda bukti kemampuan kita mentadbir sebuah Kerajaan Negeri dengan baik dan prihatin rakyat.

Pelbagai kemudahan yang dibentangkan ketika Belanjawan 2016 juga membuktikan komitmen peduli rakyat terus diberi keutamaan pentadbiran Kerajaan Negeri.

- Presiden Keadilan,
Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail

Azmin: Selangor boleh ditawan, kenapa tidak Johor?

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Timbalan Presiden Keadilan, Mohamed Azmin Ali melahirkan keyakinan negeri kubu kuat Umno, Johor mampu ditembusi jika parti pembangkang mengeneipkan perbezaan pendapat antara mereka.

Mohamed Azmin berkata, ia tidak mustahil berlaku seperti apa yang pernah berlaku pada Pilihan Raya Umum Ke-12 pada 2008 apabila Pakatan Rakyat mengambil alih pentadbiran Kerajaan Negeri yang dikuasai Umno.

"Di Selangor dahulu, siapa yang terfikir kita boleh perintah (sebab) Umno kuat, 'totok' tetapi hari ini di mana Dr Khir Toyo? Kalau Selangor boleh, saya percaya Johor juga boleh," kata Mohamed Azmin.

Beliau berkata demikian ketika mengungguli perbahasan pada

hari terakhir Kongres Nasional Tahunan Ke-11 2015 di IDCC, di sini, pada 29 November lalu.

Bagaimanapun, katanya, kejayaan itu tidak akan dicapai jika parti politik dalam pembangkang masih gagal menguruskan perbezaan pendapat antara mereka.

Mohamed Azmin turut mengambil kesempatan menyeru supaya semua ahli Keadilan dan rakyat terus tabah dan sabar menghadapi pelbagai dugaan dan cabaran perjuangan.

"Jika Datuk Seri Anwar (Ibrahim) dipenjara sekali lagi, tidak mengapa kerana Allah SWT hendak menguji kita supaya tabah dan sabar.

"Adakah kita berjuang hanya apabila Anwar berada di luar sahaja sedangkan tetap perlu berjuang walaupun beliau berada di dalam penjara," katanya.

PRESIDEN Keadilan, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Timbalan Presiden, Mohamed Azmin Ali bersemangat menyanyikan lagu rasmi Keadilan semasa Kongres Nasional Tahunan Ke-11 Keadilan 2015 di IDCC, Shah Alam bertemakan 'Bebas Rakyat Bebas Anwar. Lebih 1,500 perwakilan dan pemerhati hadir dari seluruh negara dan antarabangsa ke kongres bagi memperbaharui tekad perjuangan.

ANWAR: BANGKITLAH DEMOKRAT SEDUNIA

Intisari ucapan Datuk Seri Anwar Ibrahim, penganjur dan pengasas Forum Sedunia Demokrat Muslim.

- Saya mungkin bersuara daripada kamar penjara di Malaysia selepas dinafikan secara tidak adil kebebasan saya, tetapi ia tidak menjadi halangan untuk melahirkan kesedihan dan kegusaran, terkini dengan tujuh serangan serentak di Paris.
- Tindakan keji pembunuhan ganas dan sewenangnyanya ke atas orang awam yang tidak bersalah termasuk wanita dan orang muda wajar dikutuk sama sekali.
- Kita harus bersama berganding tangan dengan semua pihak, merentasi semua sempadan sempit agama dan kaum dengan mesej tegas pembunuhan terancang serta kejam ini ditolak sama sekali.
- Demokrat Muslim tidak boleh membiarkan penguasa terpendam atau teroris terus menerus merampas perjalanan sejarah. Kita mesti merangka laluan baru. Dengan naratif baru ini, sifar toleransi buat mereka.
- Keazaman dan perjuangan kita untuk demokrasi dan keadilan adalah jelas serta tidak akan reda. Ini adalah inisiatif berani – bagi menentukan naratif; bahawa kebebasan dan keadilan; demokrasi juga kedaulatan undang-undang adalah agenda Muslim sejati.
- Kita mesti berjuang membasmikan rasisme dan sifat kebencian dalam kalangan kita. Islamophobia bermula di tanah air sendiri. Sunni Muslim takut Shia Muslim dan Shia Muslim takut Sunni Muslim. Dan di dalam pelbagai mazhab pula, ada pecahan mazhab yang saling bersyuk wasangka.
- Kita perlu menjalani kelahiran semula. Ini memerlukan reform dan pembaharuan. Kita perlu berani menelusuri jejak yang dipandukan oleh maqasid al-Shari'a.
- Kebangkitan Islam adalah tentang memastikan kedaulatan undang-undang, kerajaan bersih, keadilan sosial dan pemberdayaan budaya apabila wanita tidak dilayani sebagai warga kelas kedua atau dianggap barangan rumah serta kaum minoriti tidak dipinggirkan.
- Penindasan berterusan oleh diktator dan autokrat kejam – adalah tapak semeian para fanatik. Tanpa harapan reform ataupun perubahan regim secara aman – pilihan yang ada bagi mereka hanyalah janji syurga dengan meletupkan diri mereka

(Ucapan ini disampaikan Ahli Parlimen Lembah Pantai dan Naib Presiden KEADILAN, Nurul Izzah Anwar pada Persidangan Antarabangsa Kedua di Jakarta, Indonesia, pada 23 November 2015)



Tingkat kebajikan

Perintis program Caruman Wanita

PETALING JAYA - Selangor bersedia menjadi perintis bagi pelaksanaan program Caruman Wanita untuk mengiktiraf penglibatan golongan terbabit di negeri termaju itu.

Timbalan Ketua Wanita KEADILAN Selangor, Dr Daroyah Alwi, berkata ia selaras dengan konsep kebajikan yang dilaksanakan Kerajaan Negeri untuk manfaat wanita keseluruhannya.

"Kita bersedia membuat percubaan atau permulaan di Selangor dan apabila berjaya, maka ia boleh dilaksanakan di negeri lain sebaik memenangi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

"Kita akan laksanakan perkara

terbaik untuk wanita demi kelestarian sejagat," katanya ketika berucap pada penggulungan Kongres Nasional Wanita KEADILAN di Dewan Sivik Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), pada 28 November lalu.

Pada masa sama, katanya program HIJRAH Selangor yang memberi skim mikro kredit perniagaan untuk meningkatkan ekonomi rakyat didominasi golongan wanita.

Sebelum ini, Ketua Wanita KEADILAN, Zuraida Kamarudin mencadangkan Program Caruman Wanita Malaysia dilak-



LAPORAN OLEH **AFFEEQA AFEERA HAFIZAN TAIB & NAZLI IBRAHIM**

sanakan khusus untuk membantu suri rumah.

Program caruman sebanyak RM50 sebulan itu disasarkan kepada mereka berpendapatan kurang RM1,500 bagi melindungi wanita jika ditimpa musibah.



Penyebaran Selangor Kini palsu, dalang disiasat

SHAH ALAM - Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB) menafikan sekeras-kerasnya penerbitan akhbar Selangor Kini palsu yang tersebar luas di Kongres Nasional Tahunan KEADILAN 2015 di IDCC.

Ketua Pengarang Selangor Kini, Cecelia Alphonsus, berkata penerbitan akhbar palsu yang dicetak lapan muka surat itu berunsur khianat, sabotaj dan

mengandungi elemen fitnah melampau.

Justeru, laporan polis dibuat di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Shah Alam, jam 5.30 petang, pada 29 November lalu.

"Saya dengan ini memohon Polis Diraja Malaysia untuk menjalankan siasatan dengan kadar cepat, mesra dan betul," katanya.

Akhbar palsu itu dikesan di kongres berkenaan sebelum sek-

retariat bertindak menahan penyebarannya kepada umum.

Dalam akhbar itu, hanya halaman depan dan belakang sahaja menggunakan berita asal Selangor Kini keluaran minggu ketiga November.

Bagaimanapun, isi kandungannya berunsur fitnah dan mengkritik Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali serta polisi pentadbiran Kerajaan Selangor.

Kecam provokasi murahan

PERALING JAYA - KEADILAN membidas kewujudan kain rentang berbentuk provokasi yang mendakwa ahli baru akan menerima RM100.

Pengarah Komunikasi KEADILAN, Fahmi Fadzil, berkata kain rentang itu membawa tuduhan liar dan dakwaan tidak berasas.

"Saya mengutuk sekerasnya tindakan itu dan tidak ragu lagi ia didalangi musuh politik KEADILAN," katanya kepada media, pada 27 November lalu.

Berdasarkan laporan dalaman, pelbagai kain rentang berunsur provokasi dipasang di Lembah

Klang termasuk di Shah Alam dan Gombak.

Selain dakwaan KEADILAN memberikan RM100 kepada ahli baru, kain rentang itu juga mendakwa kewujudan 'Langkah Rawang' untuk menukar Menteri Besar sekarang.

Selangor bukti terbaik

Pakatan mampu tadbir Putrajaya

SHAH ALAM - Pentadbiran cemerlang Pakatan di Selangor menjadi landasan tepat terhadap kemampuan gabungan itu bagi mengambil alih pentadbiran negara di Putrajaya.

Presiden Keadilan, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata kejayaan dirintis sejak 2008 membuktikan Pakatan adalah alternatif kepada rakyat bagi mengeneppikan Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

"Pemerintahan Selangor di bawah Dato' Menteri Besar terus menjadi tanda bukti kemampuan kita mentadbir sebuah Kerajaan Negeri dengan baik dan prihatin rakyat.

"Belanjutan Selangor 2016 meletakkan ketumpukan kesejahteraan rakyat yang dibentangkan dengan menyaksikan pencapaian besar apabila peratusan perbelanjaan mengurus dan pembangunan adalah 50:50.

"Ini jauh berbeza dengan belanjawan Kerajaan Persekutuan 2016 dengan nisbah 80:20," katanya ketika berucap dalam Kongres Nasional Tahunan Ke-11 2015, di sini, pada 28 November lalu.

Beliau berkata, dengan pelbagai isu dan kepincangan dalam pentadbiran diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, maka ia adalah langkah wajar bagi rakyat membuat pilihan bijak dalam PRU-14 akan datang.



LAPORAN OLEH **AFFEQA AFEERA HAFIZAN TAIB & NAZLI IBRAHIM**



Halang Izzah, Tian Chua masuk Sabah tindakan bacul

PETALING JAYA - Tindakan DUN Sabah mengharamkan kemasukan Naib Presiden Keadilan, Nurul Izzah Anwar dan Tian Chua ke negeri itu adalah tindakan bacul.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata tiada bukti kukuh menunjukkan dua pemimpin itu bersekongkol dengan pengganas yang dikaitkan dengan serangan di Lahad Datu.

"Apa hak halang mereka (Nurul Izzah dan Chua) masuk ke Sabah?"

"Belum ada bukti menunjukkan mereka bersekongkol dengan kumpulan yang menuntut Sabah, ini adalah tuduhan dan Nurul Izzah sudah mengambil tindakan undang-undang jadi kita serahkan kepada mahkamah," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas merasmikan Konvensyen

Nasional Angkatan Muda Keadilan dan Wanita di Dewan Sivik Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), di sini, pada 27 November lalu.

Kenyataan itu susulan tindakan DUN Sabah mengharamkan kemasukan Chua dan Nurul Izzah ke Sabah.

Larangan itu dikeluarkan susulan isu pertemuan Nurul Izzah dengan puteri kesultanan Sulu, Jacel Kiram, pada 9 November lalu.

Media perlu bertanggungjawab pastikan rakyat terima maklumat tepat

SHAH ALAM - Pengamal media di negara ini perlu bertanggungjawab menyalurkan maklumat yang betul dan tepat kepada rakyat bukannya mendukung pemimpin serta kerajaan korup.

Timbalan Presiden Keadilan, Mohamed Azmin Ali, berkata tindakan sesetengah media yang memberi laporan salah akan mengelirukan pembaca, sekali gus gagal membuat pilihan tepat pada pilihan raya umum (PRU).

"Saya tahu rakan wartawan semuanya baik dan profesional, tetapi ada wahyu di atas mereka."

“

Kalau media beri laporan betul dan setiap berita jam 8 malam dilaporkan dengan tepat berkenaan dalam kongres, saya yakin rakyat akan lihat inilah parti politik yang layak menerajui negara

MOHAMED AZMIN
Timbalan Presiden
KEADILAN

"Kalau media beri laporan betul dan setiap berita jam 8 malam dilaporkan dengan tepat berkenaan dalam kongres, saya yakin rakyat akan lihat inilah parti politik yang layak menerajui negara."

"Media mainkan peranan membawa perubahan, jangan sesekali mendukung perasuah dan perompak," katanya ketika menggulung perbahasan pada hari terakhir Kongres Nasional Tahunan Ke-11 2015 di IDCC, di sini, 29 November lalu.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata, keadaan di kongres itu berbeza daripada Umno yang menghadkan liputan media dalam Perhimpunan Agungnya yang akan berlangsung tidak lama lagi.

"Pada kongres ini semua media boleh masuk, lihat penuh. Dahulu tidak ada orang hendak lapor kongres Keadilan tetapi sekarang penuh sampai tak cukup tempat perwakilan nak duduk sebab beri peluang kepada rakan media."

"Tetapi lapor yang betul, berikan fakta," katanya.

Mengulas mutu perbahasan perwakilan, Mohamed Azmin berpendapat kualitinya semakin meningkat apabila pembahas berjaya membawakan isu penting negara bukannya picisan.



'Dah Izzah cantik, memanglah orang nak bergambar'

SHAH ALAM - Isu Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar bergambar dengan anak perempuan bekas ketua kumpulan bersenjata Sulu, Jamalul Kiram III, Jacel H Kiram di Filipina tidak menghairankan, kata Pengerusi Biro Srikandi, Siti Aishah Shaik Ismail.

Katanya, ia kerana Nurul Izzah memiliki keperibadian dan rupa paras cantik dan mampu menarik minat orang sekeliling merakamkan gambar kenangan bersama anak sulung Ketua Umum Keadilan itu.

"Dah memang Nurul Izzah cantik memanglah orang berminat nak bergambar dengan dia. Lainlah kalau Najib tetapi Datuk Azalina tak boleh faham perkara ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sesi perbincangan pada Kongres Nasional Tahunan kali ke-11 Keadilan di IDCC, di sini,

“

Lainlah kalau Najib tetapi Datuk Azalina tak boleh faham perkara ini

SITI AISHAH Srikandi KEADILAN

pada 28 November lalu.

Ucapan Siti Aishah yang mencuit hati itu menyebabkan suasana dalam dewan yang masih dipenuhi perwakilan gamat dengan gelak ketawa.

Siti Aishah turut melahirkan kehairanan dengan sikap Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said yang gagal memahami situasi yang berlaku.

Tingkat 3% calon muda tanding PRU 14

SHAH ALAM - Keadilan bakal mengemukakan lebih ramai calon dalam kalangan pemimpin muda parti pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

Naib Presiden Keadilan, Shamsul Iskandar Md Akin, berkata pihaknya menjangkakan peningkatan akan berlaku lebih 30 peratus berbanding calon disenaraikan pada PRU lalu.

"Dahulu kita kemukakan hampir 30 peratus, maka saya tidak terkejut jika kali ini mungkin separuh calonnya adalah orang muda.

"Ini pendekatan yang bagus dan Keadilan memang terkenal dengan calon muda," katanya kepada Selangor Kini selepas

Kongres Nasional Tahun Ke-11 Keadilan, di sini, pada 29 November lalu.

Beliau berkata, ketika ini pihaknya giat melatih pemimpin muda di peringkat DUN untuk diangkat ke Parlimen.

Katanya, calon muda dan senior atau lama dalam Keadilan berada dalam keadaan seimbang.

"Kita lihat dalam perbincangan kali ini majoritinya pemimpin muda tetapi tidak dilupakan yang senior dan lama.

"Ia adalah simbol yang dekat dengan Keadilan dan tentunya kita akan terus mengemukakan calon bertenaga untuk mewakili suara rakyat," katanya.

Anwar mengalah demi Pakatan, kenapa tidak lain?

SHAH ALAM - Ketua Umum Keadilan, Datuk Seri Anwar Ibrahim sering mengalah demi mempertahankan keutuhan perjuangan pakatan pembangkang bagi mengembalikan hak rakyat melalui kemenangan dalam pilihan raya.

Naib Presiden Keadilan, Nurul Izzah Anwar, berkata walau-

pun Anwar beralah dalam beberapa perkara, namun tidak semestinya beliau bersetuju dengan semua pandangan pihak terlibat.

"Kita banyak mengalah. Datuk Seri Anwar dahulu juga antara pimpinan utama yang sering diasak daripada pelbagai sudut termasuk dalaman tetapi beliau

Kemiskinan: Sabah 20%, Kelantan cuma 4%

SHAH ALAM - Walaupun Sabah negeri kaya dan dianggap sebagai 'fixed deposit' bagi Barisan Nasional (BN) tetapi mempunyai peratusan kemiskinan yang tinggi, kata Pengerusi Keadilan Sabah, Datuk Seri Lajim Ukin.

Katanya, lebih menyedihkan lagi, Sabah turut ketinggalan dalam banyak aspek pembangunan infrastruktur berbanding pembangunan dinikmati negeri lain di Semenanjung.

"Sabah adalah negeri fixed deposit BN tetapi kemiskinannya 19.7 peratus tetapi Kelantan yang disebut miskin hanya mempunyai 4.2 peratus sahaja.



LAPORAN OLEH **AFFEQA AFEERA HAFIZAN TAIB & NAZLI IBRAHIM**

"Di Sabah, walaupun lebih 50 tahun merdeka tetapi bekalan air bersih masih tidak mencukupi, jalan masih banyak tidak berturap, kesihatan dan pendidikan masih tercicir dan ketika saya menjadi Menteri dahulu

tak pernah 'blackout' tetapi di Sabah selalu sangat 'blackout,' katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan penggulungannya pada hari terakhir Kongres Nasional Tahunan ke-11 2015, di sini, pada 29 November lalu.

Lajim berkata, beliau bukan cemburu dengan pembangunan pesat di Semenanjung tetapi menuntut pembangunan sama adil di Sabah dan Sarawak, bahkan menggesa rakyat negeri itu bangkit menolak BN dalam Pilihan Raya Umum ke-14.



Penjualan Edra Global kepada China

Kedaulatan negara terancam

OLEH NAZLI IBRAHIM

KUALA LUMPUR - Penjualan sektor strategik keselamatan kepada negara asing bagi menyelamatkan syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) untuk menanggung hutang yang mengancam kedaulatan negara.

Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar, berkata hal itu kerana Edra Global Energy Bhd yang juga anak syarikat 1MDB membekalkan 18 peratus tenaga dalam negara akan dijual kepada syarikat asing, China General Nuclear Power Corp dan anak syarikatnya (CGN group) berjumlah 9.83 bilion.

"Bagi saya, sektor strategik ini harus dilihat lebih menyeluruh kerana melibatkan keselamatan negara dan tidak boleh diperdagangkan hanya untuk menyelesaikan hutang ditanggung 1MDB.

"Sekarang, nak selesaikan masalah hutang ditanggung 1MDB, kita menggadaikan sektor strategik keselamatan negara apabila Edra mengendalikan 18 peratus bekalan tenaga dalam negara," katanya pada sidang media di lobi Dewan Rakyat, di sini, pada 24 November lalu.

Mahfuz turut menuntut penjelasan Kerajaan Persekutuan sebelum meneruskan lang-

kah menjual 100 peratus kepentingan kerajaan dalam Edra.

"Saya tak peduli jika Kerajaan Persekutuan nak jual syarikat lain yang tiada kepentingan dalam isu keselamatan negara tetapi Edra sektor strategik melibatkan keselamatan," katanya.

Terdahulu, 1MDB menjalankan pelan rasionalisasi bagi menyelamatkan syarikat itu daripada terus menanggung hutang yang sangat tinggi.

Antara langkah diambil dalam pelan rasionalisasi itu termasuk menjual beberapa syarikat dimiliki termasuk Edra.

TPPA: 30% peniaga IKS bakal gulung tikar

KUALA LUMPUR - Persatuan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia meramalkan 30 peratus daripada 650,000 peniaga bakal 'gulung tikar' dalam tempoh dua tahun selepas Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) dipraktikkan.

Ahli Parlimen Sungai Siput, Dr D Jeyakumar, berkata TPPA jelas menyebabkan ekonomi tempatan merosot dan memberi kesan negatif kepada pengusaha IKS tempatan.

"Melalui TPPA, pelabur asing diberi layanan sama dengan apa diberikan kepada pelabur tempatan dan menerima perlindungan lengkap dalam industri.

"Mereka juga mendapat kebebasan penuh bagi menghantar keluar segala keuntungan diperoleh daripada perniagaan di Malaysia dan kerajaan tidak boleh mengenakan sebarang halangan," katanya dalam sidang media di lobi Parlimen, di sini, pada 25 November lalu.

Pada masa sama, Ahli Parlimen Batu, Tian Chua, berkata TPPA menyebabkan peniaga IKS bersaing sama rata dengan pihak luar.

Beliau berkata, gambaran kerajaan terhadap TPPA adalah berbeza daripada realiti apabila pelabur dan peniaga akan terjejas apabila perjanjian itu dimeterai.

"Pemimpin kita berhujah berkenaan TPPA seolah-olah ia perjanjian perdagangan bebas (FTA).

"Kita harus membezakan antara FTA dan TPPA kerana TPPA adalah berkenaan kelulusan membenarkan pelaburan bebas apabila pihak luar mendapat hak sama rata dengan pelabur tempatan," katanya.

Hentikan perlombongan bauksit

KUALA LUMPUR - Gabungan Badan Bertindak Bauksit mengemukakan memorandum bantahan berkenaan projek perlombongan di Kuantan yang didakwa mendatangkan mudarat kepada orang ramai.

Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh, berkata Kerajaan Persekutuan dan Pahang perlu bertindak segera bagi menangani ancaman Arsenik hasil daripada perlombongan berkenaan.

"Kita membawa petisyen warga Kuantan yang menanggung akibat daripada isu perlombongan ini dengan apa dikemukakan adalah menggantung lesen eksport sementara bauksit.

"Ia perlu dikawal selia dan dikaji kesan kepada kesihatan ekoran banyak kerosakan berlaku. Air sungai dikaji Jabatan Alam Sekitar Pahang juga menghasilkan keputusan pada tahap kelas lima yang boleh menyebabkan kemerosotan kesihatan serius," katanya dalam sidang media di lobi Parlimen, di sini, pada 25 November lalu.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Ber-



tindak Bauksit, berkata tindakan Timbalan Speaker yang menyokong kerajaan dalam isu itu juga tidak sepatutnya berlaku.

Pada masa sama, Ahli Parlimen Indera Mahkota, Datuk Fauzi Abdul Rahman, berkata bantahan warga Kuantan terhadap isu perlombongan itu adalah nyata dan harus dihentikan segera.

"Di mana suara rakyat boleh didengar kecuali di Parlimen. Jika di luar negara,

apabila rakyat mengemukakan petisyen, ia diizinkan dan perkara sama harus dibenarkan di sini tetapi berlaku sebaliknya," katanya.

Pejabat Ahli Parlimen Kuantan dan Indera Mahkota, Pejabat Adun Beserah, Semambu, Tanjung Lumpur dan Teruntum mengemukakan memorandum bantahan yang diserahkan kepada Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Respon Peguam Negara tak bertanggungjawab

SHAH ALAM - Reaksi pantas Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali dan Pengarah Komunikasi Strategik Barisan Nasional (BN), Datuk Abdul Rahman Dahlan yang menolak akuan bersumpah dibuat adik mendiang Timbalan Pendakwa Raya, Kevin Anthony Morais sebagai tidak bertanggungjawab.

Ahli Parlimen Batu, Tian Chua, berkata Mohamed Apandi sepatutnya tidak tergesa-gesa menafikan tanpa menjalankan siasatan mendalam terhadap semua dakwaan dibuat dalam akuan bersumpah Charles Suresh Morais itu.

"Pemerintah tidak boleh menjawab begitu pantas kerana su-

dah tentu ini memerlukan siasatan rapi terlebih dahulu.

"Seharusnya perlu ada respon bertanggungjawab oleh Peguam Negara atau Ketua Polis Negara. Respon tergesa-gesa tanpa merujuk balik dan siasatan teliti akan dilihat hanya untuk menafikan kenyataan keluarganya dan penglibatan Kevin dalam siasatan 1MDB. Ini tidak wajar," katanya kepada Selangor Kini, pada 27 November lalu.

Tian Chua turut menggesa pihak bertanggungjawab memanggil semula semua anggota keluarga Morais bagi membolehkan siasatan terhadap akuan bersumpah itu dijalankan.

"Pihak berkuasa perlu siasat dakwaan ini walaupun terdapat percanggahan dakwaan sesama adik-beradik Kevin yang lain," katanya.

Katanya, pihak berkuasa juga wajar memanggil semula mereka yang terbabit dengan siasatan pembunuhan Pengasas AmBank, Hussein Ahmad Najadi supaya siasatan semula dapat dijalankan.

Terdahulu, Ahli Parlimen Gelang Patah, Lim Kit Siang turut menggesa pihak polis membuka semula kes pembunuhan Hussein bagi memastikan kematian beliau tiada kaitan dengan skandal 1MDB.

SELANGOR SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Muaz Omar
KETUA PENGARANG: Cecelia Alphonsus
PENGARANG: Nurul Farina Nazlan
PENOLONG PENGARANG: Mohd Ezli Mashut, Naeem Raffi
WARTAWAN:

Afeeqa Afeera: afeeqa@mediaselangor.com,
 Hafizan Taib: hapizantab@mediaselangor.com,
 Lizawati Madfa: lizawati@mediaselangor.com,
 Afix Redzuan: syafiq@mediaselangor.com,
 Norhayati Umr: hayati@mediaselangor.com,
 Nazli Ibrahim: nazli@mediaselangor.com,
 Syasya Sufian: syazwanisufian@mediaselangor.com

JURUGAMBAR: Asri Sapfie, Raheemie Arifin & Shuaib Ayob

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB
 Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,
 Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor
 Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com

Elak krisis air berulang

SPAN perlu lulus permohonan projek tertangguh

OLEH NORHAYATI UMOR

SERI KEMBANGAN - Kerajaan Negeri akan mengadakan run-dingan dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk meluluskan beberapa permohonan projek tertangguh akibat krisis bekalan air di Lembah Klang sebelum ini.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata Kerajaan Negeri yakin projek tertangguh itu boleh diluluskan kerana ketika ini sedang menyiapkan beberapa projek mitigasi.

"Projek tertangguh itu bukan tertumpu kepada keperluan penggunaan bekalan air tahun depan. Projek mereka ini mung-

kin siap dalam masa dua hingga tiga tahun.

"Jadi, kita percaya dalam tempoh berkenaan akan berjaya menyiapkan keperluan dan permintaan air. Perkara ini yang kita sedang rundingkan dengan SPAN supaya beberapa permohonan boleh diluluskan untuk 2016," katanya, di sini, pada 26 November lalu.

Mohamed Azmin berkata, keyakinan itu juga ekoran beberapa projek mitigasi yang sedang dibangunkan bagi kelangsungan bekalan air terawat.

"Kita sudah umumkan dua projek pembinaan loji rawatan air yang menelan kos M800 juta dan akan siap menjelang 2017

kerana Projek Langat 2 mengalami kelewatan.

"Projek Mitigasi 2 juga dijangka siap Disember ini dan ia mampu menampung bekalan air sehingga 2017," katanya.

Katanya, Kerajaan Negeri komited menyelesaikan semua masalah yang tertangguh selepas pengambilalihan semula industri air yang membolehkan Selangor kembali meneraju industri itu.

Sebelum ini, 800 projek melibatkan pelbagai sektor dilaporkan tertangguh dan gagal mendapatkan kelulusan berikutan krisis bekalan air yang berlaku di Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya.

Sebelum ini, 800 projek melibatkan pelbagai sektor dilaporkan tertangguh dan gagal mendapatkan kelulusan berikutan krisis bekalan air yang berlaku di Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya

SPAN menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi meneliti projek pembangunan yang tertangguh termasuk perumahan, kilang dan komersial.

Proses tender dibahas sebelum laksana

SERI KEMBANGAN - Tidak timbul isu salah guna dana rakyat kerana sebarang proses tender membabitkan projek pembangunan negeri dibawa ke Sidang Dewan Selangor (DNS) untuk dibahas sebelum ia dilaksanakan.

Dato Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata konsep tender terbuka juga sudah lama diamalkan sejak 2008 dengan pemaju dipilih berdasarkan merit dan syarat dipatuhi.

"Projek terlibat akan dibentangkan secara teliti dalam DNS untuk dibahaskan ahli dewan. Kita menyenaraikan semua projek seperti mencantikkan semula pintu gerbang, kubah masjid negeri, pusat pentadbiran juga tempat letak kenderaan di Perpustakaan Tun Raja Uda.

"Jadi, tidak timbul isu saya membelanjakan sejumlah wang besar untuk kepentingan sendiri," katanya, di sini, pada 26 November lalu.

Mohamed Azmin berkata, syarikat pemaju dipilih dan diperhalusi dalam jawatankuasa menerusi tender terbuka.

"Saya tidak terlibat dan serah kepada profesional dan jawatankuasa itu untuk membuat keputusan," katanya.

Sebelum ini, timbul isu Selan-

“

Kita menyenaraikan semua projek seperti mencantikkan semula pintu gerbang, kubah masjid negeri, pusat pentadbiran juga tempat letak kenderaan di Perpustakaan Tun Raja Uda

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar

gor membelanjakan RM9.7 juta untuk membaik pulih pintu gerbang (Kota Darul Ehsan).

Terdahulu, Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata tender kerja membabitkan mengecat semula, pembersihan dan penyelenggaraan lampu diberikan kepada syarikat bernama Islah.

Kuasa dan pengaruh punca kemusnahan dunia

SHAH ALAM - Keganasan dan kemusnahan yang berlaku di dunia hari ini tiada kaitan dengan agama Islam sebaliknya terarah kepada kuasa dan pengaruh.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata kebanyakan pihak yang cenderung kepada keadaan itu memberi alasan mereka bertindak atas arahan Islam atau jihad.

Beliau berkata, Islam mendidik umatnya supaya bersifat sederhana dan mengamalkan nilai murni tanpa perlu mendekati keganasan.

"Kita tahu ia satu pembohongan, tindakan mereka sebenarnya tidak kaitan dengan agama, perang suci, atas nama Allah atau

pada jalan Islam walaupun sedaya upaya mahu kelihatan seperti itu.

"Pembunuhan kejam, pengeboman, penculikan dan tindakan keganasan lain juga tidak berkaitan dengan Islam sebagai tamadun," katanya pada persidangan Forum Dunia untuk Muslim Demokrat di Hotel Le Meridien, Jakarta, Indonesia, pada 24 November lalu.

Mohamed Azmin turut mengutuk serangan kejam di bandar Paris yang mengorbankan banyak nyawa dan menggesa supaya pelaku dibawa ke muka pengadilan.

Katanya, semua pihak tidak harus melupakan insiden keganasan

di Palestin yang masih tiada penghujung dalam kerancakan mengutuk serangan di Paris.

"Nasib rakyat Palestin nampaknya dilupakan sehingga insiden lain meletus dan media dikawal Barat akan sentiasa memastikan mereka dipersalahkan.

"Hakikatnya, penduduk Palestin dirampas tanah air mereka dan perlu bermati-matian hanya untuk membebaskan diri daripada 'penjara' di wilayah itu," katanya.

Pada masa sama, katanya, nasib Islam minoriti di Rohingya terus dibimbangi walaupun kemenangan berpihak kepada Aung San Suu Kyi yang menjamin hak demokrasi.

Karnival belia warnai Hari Keputeraan Sultan Selangor

SHAH ALAM - Sempena Hari Keputeraan DYMM Tuanku Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj, Kerajaan Negeri akan menganjurkan Karnival Menjunjung Kasih Gen-S 2015, pada 5 Disember ini.

Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata penganjurannya bertujuan menonjolkan bakat di samping menghidupkan rasa kasih dan peduli anak muda kepada Institusi Kesultanan Selangor "la juga inisiatif Kerajaan Ne-

geri mendidik anak muda Selangor melakukan aktiviti sihat dan tidak membuang masa dengan perkara tidak berfaedah yang boleh merosakan moral," katanya ketika sidang media Karnival Menjunjung Kasih Gen-S 2015 di Dewan Annex, di sini, pada 26 November lalu.

Bertempat di Padang Sultan Suleiman Kota Raja, Klang, dijadualkan 13 acara akan berlangsung secara serentak bermula seawal jam 6 pagi dan berakhir jam 11 malam.

Antara aktiviti adalah Larian Menjunjung Kasih, Battle Chess

Selangorku, Pertandingan *Remote Control* dan Himpunan Seni Pertahanan diri dan silat.

Sukan ekstrem seperti *skateboard*, *BMX* dan *In-Line Skate* turut mewarnai acara.

"Kita mendasarkan lebih 10,000 masyarakat akan hadir termasuk anak muda yang bakal bertanding dengan menyediakan ganjaran lumayan kepada setiap pemenang," katanya.

Program itu turut mendapat kerjasama daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi kerajaan.

Prestasi kewangan baik

Tujuh badan berkanun catat untung RM291 juta

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Tujuh Badan Berkanun negeri mempamerkan prestasi kewangan baik bagi 2014 dengan keuntungan terkumpul masing-masing berjumlah RM291.12 juta (6%).

Jumlah surplus juga mencatatkan peningkatan RM76.14 juta (35.5%) diikuti peningkatan aset semasa bersih RM149.51 juta (5.9%) berbanding 2013.

"Pada akhir 2014, tujuh syarikat subsidiari Badan Berkanun Negeri mencatat keuntungan terkumpul RM279.35 juta.

"Prestasi kewangan pihak berkuasa tempatan bagi 2014 adalah baik berbanding 2013. Surplus, aset semasa bersih dan kutipan cukai taksiran masing-masing meningkat 334.8, 76.8 dan 5.1 peratus," katanya.

Namun, 14 syarikat subsidiari mencatat kerugian terkumpul RM101.76 juta.

Secara keseluruhan, Selangor mencatatkan kedudukan kewangan baik pada 31 Disember 2014 dengan surplus RM111.94 juta berbanding defisit RM90.45 juta, pada 2013.

Hasil analisis kewangan Jabatan Audit Negara (Audit) mendapati baki Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM3.20 bilion meningkat RM293.80 juta (10.1%) berbanding RM2.91 bilion, pada 2013.


Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Tahun 2013 dan 2014

Perkara	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Perubahan (RM Juta)	(%)
Keuntungan Terkumpul	4,849.58	5,140.70	291.12	6.0
Surplus	214.70	290.84	76.14	35.58
Aset Semasa Bersih	2,514.35	2,663.86	149.51	5.9

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Tahun 2013

Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Belum Beraudit Tahun 2014

Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lapan jabatan capai prestasi sangat baik

SHAH ALAM - Pencapaian pengurusan kewangan 15 jabatan dan agensi Kerajaan Selangor menunjukkan prestasi positif apabila lapan daripadanya mencapai tahap sangat baik dan selebihnya di tahap baik.

Jabatan Audit Negara (Audit) berkata, kecemerlangan prestasi itu boleh ditingkatkan ke tahap lebih baik dengan melakukan langkah penambahbaikan.

Antara langkah itu dengan menganjurkan program latihan berterusan kepada pegawai terlibat dalam pengurusan kewangan supaya dapat meningkatkan pengetahuan dan kompetensi melaksanakan tugas. Sehingga 13 Julai lalu, presta-

si baik turut dipamerkan dalam kedudukan penyerahan penyata kewangan Agensi Negeri bagi 2014 apabila semua 26 agensi mengemukakan penyata kewangan 2014 untuk diaudit.

Daripada 26 terlibat, 20 agensi mengemukakan penyata kewangan sebelum atau pada 30 April lalu, manakala enam agensi selepas tarikh itu.

"Bagi pengesahan penyata kewangan 2014, penyata kewangan dua agensi diaudit dan dikeluarkan Sijil Tanpa Teguran, manakala penyata kewangan 24 agensi lain sedang diaudit.

"Semua agensi negeri terlibat membentangkan penyata kewangan 2013 di Dewan Negeri Selangor (DNS)," katanya.

Tambah baik pengurusan TABUNG

SHAH ALAM - Jabatan Audit Negara mendapati pengurusan caruman infrastruktur sosial, Akaun Amanah Tabung Infrastruktur Sosial (TABUNG) terhadap empat agensi Kerajaan Selangor kurang memuaskan.

Dalam penemuan audit dibuat antara bulan Mei hingga Ogos lalu, mendapati TABUNG mencatatkan penurunan perolehan kepada RM8.45 juta sehingga akhir Mei lalu berbanding RM9.39 juta, pada 31 Disember 2014.

Sejak ditubuhkan pada 2006, dana TABUNG tidak dibelanjakan sehingga 2012 walaupun

sejumlah RM17.10 juta sudah berjaya dikutip, namun hanya 45.6 peratus dana TABUNG dibelanjakan daripada caruman dikutip berjumlah RM17.25 juta, sehingga 31 Disember 2014.

Empat agensi terlibat adalah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Daerah dan Tanah, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL).

"Sehingga 31 Mei lalu, lima daripada tujuh projek dilaksanakan pada 2013 dan 2014 sudah disiapkan dengan tiga projek lewat siap antara 114 hingga 316 hari.

"Bagi dua projek lain yang sedang dilaksanakan, kemajuan fizikal sebenar projek kurang daripada jadual kemajuan ditetapkan iaitu 51 dan 52 peratus berbanding 67 serta 59 peratus," kata Laporan Ketua Audit Negeri Selangor 2014 siri 3.

Laporan audit itu menyatakan 73 pemilik di daerah Sepang dengan keluasan tanah kurang daripada satu ekar sudah dikenakan bayaran sedangkan peraturan tidak menetapkan bayaran perlu dibuat, manakala seramai 19 pemilik membayar caruman berjumlah RM122,854 dari 2008 hingga bulan Julai lalu.

SELANGOR


PELAWAAN MEMBERI PROPOSAL (RFP)

Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB) mempelawa pemohon yang berkelayakan untuk mengambil bahagian dalam proses Pelawaan Memberi Proposal (RFP) yang bertujuan untuk membangunkan laman sesawang.

Proposal yang lengkap boleh dihantar kepada sai@mediaselangor.com sebelum 21 Disember 2015

Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://bit.ly/webfrp>

OLEH AFIX REDZUAN

Laporan Ketua Audit Negara

Puas hati pelaksanaan perolehan PKNS

SHAH ALAM - Jabatan Audit Negara (Audit) mendapati pelaksanaan perolehan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) memuaskan daripada segi proses pemilihan dan lantikan kontraktor atau pembekal yang dilaksanakan apabila mematuhi peraturan ditetapkan.

Dalam Audit antara bulan Mac hingga Julai lalu, PKNS melaksanakan 533 perolehan bernilai RM1.87 bilion meliputi perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja bagi tahun 2012 hingga 2014.

Hasil dapatan menemui kelemahan daripada segi kelewatan perolehan tender dan sebut harga, pecahan sebut harga sewaan komputer, borang pesanan perolehan pembelian serta kegagalan mematuhi peraturan kewangan.

"Bahagian perolehan tidak menyelenggarakan maklumat perolehan dengan lengkap dan kemas kini bagi tujuan kawalan dan pemantauan.

"Bagi perolehan secara pembelian terus, bilangan dan nilai perolehan tidak dapat ditentu-

kan kerana sistem perakaunan tidak boleh menjana laporan bagi menentukan bilangan pembelian terus dibuat jabatan atau bahagian berkaitan," katanya dalam Laporan Ketua Audit Negeri Selangor 2014 Siri 3.

Perolehan dilaksanakan dibayai daripada pendapatan operasi PKNS meliputi pendapatan projek kemajuan hartanah dan penswastaaan.

Bagi mempertingkatkan pengurusan perolehan, Audit mengesyorkan PKNS memastikan perolehan dilaksanakan mematuhi polisi dan peraturan ditetapkan selain disempurnakan dalam tempoh ditetapkan.

Katanya, amalan tidak mema-

Bilangan Dan Nilai Perolehan Mengikut Kaedah Perolehan Di PKNS Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Tender		Sebut Harga		Rundingan Terus		Lantikan Terus (Perunding)		Jumlah	
	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)
2012	24	1,068.76	92	18.20	9	1.43	79	*	204	1,088.39
2013	25	402.17	55	11.07	17	3.66	67	*	164	416.90
2014	19	348.03	78	16.98	-	-	68	*	165	365.01
Jumlah	68	1,818.96	225	46.25	26	5.09	214	*	533	1,870.30

Sumber: PKNS

Nota: * - Nilai Perolehan Secara Lantikan Terus (Perunding) Tidak Dapat Ditentukan

tuhi peraturan kewangan perlu diperbetulkan dan pegawai terlibat perlu diberikan pendedahan melalui kursus serta latihan berkaitan.

"PKNS perlu memastikan pentadbiran kontrak dilaksanakan teratur antaranya ditandatangani mengikut tempoh masa ditetapkan, bayaran mematuhi peraturan, bon pelaksanaan dikemukakan sebelum kerja dimulakan dan Surat Setuju Terima ditandatangani kontraktor/pembekal dilantik.

"Bahagian perolehan perlu menyelenggarakan maklumat dengan lengkap bagi awalan dan pemantauan. Sistem perakaunan digunakan perlu ditambah baik bagi membolehkan laporan perolehan dijana mengikut kaedah perolehan dengan jumlah dibelanjakan," katanya.

"Selain itu, bagi 2014 usia tunggakan melebihi 10 bulan adalah 42.6 peratus daripada jumlah keseluruhan tunggakan sewa," katanya dalam Laporan Ketua Audit Negeri Selangor 2014 Siri 3.

Tambah baik pengurusan hartanah wakaf

SHAH ALAM - Pengurusan hartanah wakaf Selangor kurang memuaskan berdasarkan hasil pengauditan dilakukan Jabatan Audit Negara (Audit) antara April hingga Julai lalu.

Hasil pengauditan mendapati, data daftar hartanah wakaf tidak lengkap dan tidak dikemas kini dengan 27.5 peratus masih belum didaftarkan hak milik Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Sebanyak 87.6 peratus daripada hartanah wakaf yang sudah didaftarkan sebagai hak milik MAIS tidak diwartakan, manakala 75.3 peratus masih belum dimanfaatkan.

Audit berkata, pemantauan hartanah wakaf kurang memuaskan kerana tidak dimanfaatkan dengan sebarang aktiviti dan terdapat kes pencerobohan.

"Pelaksanaan projek pembangunan tidak mengikut perancangan serta kelewatan dalam melaksanakan dan menyelesaikan istibdal.

"Pengurusan sewaan juga kurang memuaskan kerana kutipan caj sewaan 2014 berbanding 2013 menurun 15.6 peratus.


Selain MAIS, Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) adalah dua badan bertanggungjawab dalam hal ehwal wakaf di Selangor.

MAIS berperanan dalam pengurusan sumber wakaf, manakala PWS berperanan membantu majlis itu dalam menggalak, membantu, mengusaha dan memajukan harta serta produk wakaf selaras dengan hukum syarak.

Bagi memperbaiki kelemahan ditemui, Audit mengesyorkan data hartanah wakaf dilengkapkan serta peletakan hak sebagai milik MAIS diselesaikan segera seterusnya mewartakan hartanah wakaf setiap tahun.

MAIS dan PWS perlu memantapkan pemantauan serta mengadakan perancangan spesifik dan menyeluruh bagi memastikan hartanah wakaf dibangun serta dimanfaatkan sejajar dengan niat pewakaf.

Trend Untung/Rugi Sebelum Cukai Dan Keuntungan/Kerugian Terkumpul PDSB Bagi Tahun Kewangan 2012 Hingga 2014



Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan PDSB Bagi Tahun Kewangan 2012 Hingga 2014



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit PDSB Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Mantapkan prestasi kewangan PDSB

SHAH ALAM - Prestasi kewangan PNSB Development Sdn Bhd (PDSB) perlu dimantapkan selepas mencatatkan peningkatan kerugian sebelum cukai secara mendadak pada 2014 berjumlah RM19.94 juta, berbanding 2013.

Keputusan tidak memuaskan itu diumumkan Jabatan Audit Negara selepas menjalankan audit terhadap prestasi kewangan PDSB bagi 2012 hingga 2014, pada Mei hingga Julai lalu.

Selain itu, anak syarikat Permodalan Negeri Selangor Berhad

(PNSB) itu turut mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM10.74 juta pada 2014.

"Mengikut penyata kewangan beraudit PDSB bagi tahun berakhir 2014, syarikat ini mencatatkan liabiliti semasa melebihi aset semasa berjumlah RM62.64 juta dan juruaudit bertaullah sudah menyuarakan kewujudan ketidakpastian ketara terhadap kemampuan syarikat ini beroperasi berterusan.

"Pematuhan PDSB terhadap prinsip tadbir urus korporat kurang memuaskan," katanya

dalam Laporan Ketua Audit Negeri Selangor 2014 Siri 3.

Penemuan Audit mendapati terdapat kelemahan berkaitan projek usahasama pembangunan perumahan di Mukim Petaling dan Alam Perdana melibatkan kelewatan penyiapan projek pembinaan.

"Sebanyak 506 pembeli unit rumah Fasa 1 masih belum menjelaskan bayaran kemajuan berjumlah RM11.99 juta sedangkan PDSB membelanjakan kos baik pulih berjumlah RM41.59 juta," katanya.

SUNWAY
eastwood
@ Puchong South

Milikilah Kediaman Idaman Anda Hari Ini!

UNIT BUMIPUTRA SAHAJA

Hanya **2km** ke simpang **MEX**

RUMAH BERKEMBAR & SUPERLINK



Impresi Artis

www.sunwayproperty.com/eastwood **019 3811 832**

Sunway Eastwood Sdn Bhd (795327-T)
Lobby Level, Menara Sunway,
Jalan Lagoon Timur, Bandar Sunway,
47500 Petaling Jaya, Selangor.
Tel: 03-5639 9000

Sales Gallery :
Sunway Eastwood Gallery,
Jalan Equine 3, Taman Equine,
43300 Seri Kembangan, Selangor.



• Developer: Sunway Eastwood Sdn Bhd • Lobby Level, Menara Sunway, Jalan Lagoon Timur, 47500 Bandar Sunway, Selangor DE • Developer's License No.: 11718-1/12-2015/02529(L) • Validity Period: 21/12/2014-20/12/2015 • Advertising & Sales Permit: 11718-1/12-2015/02529(P) • Validity Period: 21/12/14 to 20/12/15 • Tenure of Land: Leasehold 99 years (Expiring on 25 June 2112) • Land Encumbrances: Alliance Bank Malaysia Berhad • Restriction in Interest: The land shall not be transferred, leased or charged without prior approval by the State Authority, Phase 1C (Semi-D) • Building Plan Reference No.: MPSJ/BGN/KW/C-9/58 • Approving Authority: Majlis Perbandaran Subang Jaya • Expected Date of Completion: September 2017 • Semi-D (Type E), 11 units, Price: RM2,745,000 (min) – RM3,072,000 (max) • Semi-D (Type F), 18 units, Price: RM2,461,000 (min) – RM2,880,000 (max) • Developer's License No.: 11718-2/02-2016/0140(L) • Validity Period: 15/02/2014-14/02/2016 • Advertising & Sales Permit: 11718-2/02-2016/0140(P) • Validity Period: 15/02/2014 to 14/02/2016 • Phase 3 (Park Villa) • Building Plan Reference No.: MPSJ/BGN/600-1/10/4 (BP6-5) • Approving Authority: Majlis Perbandaran Subang Jaya • Expected • Date of Completion: February 2017 • Park Villa (Type A): 25 units, RM1,430,000 (min) – RM1,896,000 (max); Park Villa (Type B): 36 unit, RM1,495,000 (min) – RM1,832,000 (max); Park Villa (Type C): 5 unit, RM1,273,000 (min) – RM1,681,000 (max) • Bumiputra discount of 7% • The information contained herein is subject to change without notification as may be required by relevant authorities or the developer's consultant and cannot form part of an offer or contract. Actual built-up of units may vary slightly from measurements given. Whilst every care is taken in providing this information, the owner, developer, managers cannot be held liable for variations. All illustrations and pictures are artist's impressions only. The items are subject to variations, modifications and substitutions as may be recommended by the Company's consultants and/or relevant Approving Authorities.

SUNWAY®

Jadikan adat warisan dan tradisi jana ekonomi

SHAH ALAM - Usaha memartabatkan dan mengenalpasti adat warisan dan tradisi diperhebatkan dalam usaha menjadikan identiti itu memperkasa ekonomi rakyat.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi, berkata usaha itu juga bagi menambah sumber pendapatan kepada rakyat yang terlibat dalam sektor itu.

"Saya melihat melaluinya, kita dapat mempromosikan identiti negeri kepada masyarakat dalam dan luar Selangor.

"Di situ, kita dapat membantu masyarakat luar bandar yang aktif dalam mengeluarkan produk tradisional dalam menjana pendapatan, di samping memperkenalkannya ke luar negara," katanya kepada Selangor Kini, pada 24 November lalu.

Ahmad Yunus berkata, antara beberapa usaha dijalankan bagi mencari imej tradisi Selangor itu adalah aktiviti turun padang ke daerah seperti mengadakan Karnival 3K Kampungku Kesayanganku.

"Ia bertujuan bagi mencari keunikan yang terdapat di setiap daerah untuk kita nilai dan jadikan ia sebagai imej negeri ini.

"Kerajaan Negeri meneruskan usaha ini kerana ia bukan sahaja memberi manfaat kepada Selangor, bahkan kepada rakyat khususnya," katanya.

Jual beli 90.83% saham Titisan Modal adil

SHAH ALAM - Tindakan Kumpulan Perangsang Sdn Bhd menjual 90.83 peratus saham milik anak syarikatnya, Titisan Modal (M) Sdn Bhd kepada Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dengan nilai RM78.05 juta adalah adil dan munasabah.

Memetik laporan The Edge, dalam kenyataan Perangsang kepada Bursa Malaysia, Crowe Horwath Advisory Sdn Bhd berkata ia mengambil kira pelbagai faktor termasuk rasional dan penilaian transaksi.

Katanya, transaksi Titisan Modal dinilai pada kadar 1.05 kali ganda daripada perspektif ratio 'price-to-book' iaitu 0.94 kali ganda lebih tinggi daripada penilaian dibuat Pengurusan Aset Air Bhd (PAAB) and Air Selangor.

"Kami berpendapat, pertimbangan penjualan itu adil dan munasabah atas dasar terdapat sedikit premium bernilai 4.8 peratus berbanding nilai saham pelupusan," kata Crowe Horwath.

Titisan Modal memiliki 100 peratus Konsortium Abass Sdn Bhd yang memiliki konsesi 30 tahun di bawah skim pembekalan air Sungai Semenyih.

Crowe Horwath berkata, penjualan itu juga tidak akan menjejaskan kepentingan pemegang saham minoriti Kumpulan Perangsang.

"Kami mencadangkan pemegang saham minoriti Kumpulan Perangsang mengundi cadangan itu pada mesyuarat agung luar biasa, pada 9 Disember ini," katanya.



Selangor destinasi pelaburan

SIE 2015 pacu ekonomi tingkat FDI

OLEH NORHAYATI UMOR

SERI KEMBANGAN - Selangor International Expo (SIE) 2015 mampu melonjakkan pelaburan dan perniagaan selain menghubungkan komuniti perniagaan antara Selangor dengan negara luar.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata penganjuran yang julung kali diadakan itu membuktikan Selangor sebagai destinasi kekal mencipta pelaburan.

"Selangor menyediakan persekitaran kondusif, tadbir urus baik, ketelusan dan kebertanggungjawaban untuk semua pelabur di negeri ini ke arah Selangor sebagai hab perdagangan global.

"Saya yakin dengan pameran ini, Selangor dapat menarik lebih ramai pelabur, sekali gus melonjakkan Pelaburan

Langsung Asing (FDI)," katanya selepas merasmikan SIE di Pusat Konvensyen Mines, di sini, pada 26 November lalu.

Mohamed Azmin berkata, Kerajaan Negeri dalam usaha menyediakan infrastruktur baru termasuk industri halal hab di Pulau Indah dengan konsep terkini.

"Ia juga bertujuan menarik lebih ramai pelabur dan usaha ini akan diteruskan termasuk memastikan teknologi baru diperkenalkan.

"Kita akan memastikan FDI dilonjakkan dengan penyediaan persekitaran dan pekerja berkemahiran terlatih melalui Pusat Pembangunan Sumber Manusia yang bekerjasama dengan Universiti Selangor," katanya.

Katanya, sebanyak 48 peratus FDI dicatatkan daripada jumlah keseluruhan

pelaburan RM5.9 bilion, September lalu.

"Selangor mengekalkan dasar pintu terbuka kepada pelabur sejak dulu lagi, jadi tidak hairan kita terus menjadi destinasi pilihan negara seperti Jepun, Amerika Syarikat, Korea, China, Taiwan, UK, Perancis, Australia dan Thailand.

"Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, aliran masuk pelaburan Selangor beralih kepada projek pelaburan berkualiti tinggi didorong oleh perusahaan kecil dan sederhana seterusnya memainkan peranan penting dalam menyokong banyak gergasi multinasional utama melabur di negeri ini," katanya.

Mohamed Azmin berkata, teras baru pelaburan Selangor kini menumpukan beberapa sektor antaranya aeroangkasa, automotif, sains hayat dan makanan.

Kawan'15: Rasai pengalaman jadi penyampai TVSelangor

SHAH ALAM - Orang ramai dialu-alukan mengunjungi Karnival Usahawan Hijrah Selangor 2015 (Kawan'15) di Taman Tasik Cempaka, Bandar Baru Bangi, pada 4 hingga 6 Disember ini.

Kira-kira 3,000 usahawan baharu akan menerima pembiayaan dalam karnival yang bakal dirasmikan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Lebih dari 100 gerai jualan usahawan HIJRAH Selangor serta beberapa syarikat jualan ternama dan vendor menjadi tren masa kini turut bersama.

Dalam karnival terbabit, pengunjung juga dapat menyaksikan dan menyertai pelbagai aktiviti dirancang se-



perti Malam Dakwah Muzikal dan Malam Santai Muzikal, di samping forum.

TVSelangor dan Selangor Kini turut sama menyertai program itu dengan menyediakan pelbagai acara menarik.

Orang ramai boleh merasai pe-

ngalaman menjadi penyampai berita secara langsung di gerai TVSelangor dan bergambar 'selfie' serta mendapatkan maklumat terkini berkenaan penyiaran TVSelangor dan Selangor Kini.

Pacu pertanian dan penternakan 2016

Peruntukan meningkat RM5.65 juta

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Peruntukan pembangunan untuk bantuan nelayan, petani dan penternak bagi 2016 meningkat kepada RM5.65 juta.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib berkata jumlah itu jauh lebih tinggi berbanding peruntukan tahun ini yang bernilai RM3.2 juta.

Katanya, bagaimanapun bantuan tidak disalurkan melalui pinjaman wang sebaliknya melalui peralatan dan sokongan bagi meningkatkan hasil.

"Contohnya bagi sektor perikanan, kita akan berikan bantuan seperti bot, enjin dan pukuk untuk kemudahan nelayan.

"Untuk petani, biasanya kita akan bekalkan peralatan dan benih, manakala penternak pula contohnya mendapat bantuan membina pagar bagi menjaga ternakan mereka," katanya kepada Selangor Kini, pada 25 November lalu.

Beliau diminta mengulas bantuan kewangan yang disediakan Kerajaan Negeri kepada golongan nelayan, petani dan penternak di Selangor.

Zaidy berkata, bantuan kewangan



Jika memerlukan sokongan kewangan, mereka boleh mengikut saluran lain yang ada di negeri ini. Kita juga menggalakkan partisipasi Bank Agro

ZAIDY ABD TALIB
Exco Pertanian

dan pinjaman masih boleh didapati menerusi portfolio kerajaan prihatin dan program HIJRAH.

"Jika memerlukan sokongan kewangan, mereka boleh mengikut saluran lain yang ada di negeri ini. Kita juga menggalakkan partisipasi Bank Agro dalam memberikan bantuan dan bimbingan kepada mereka yang memerlukan juga layak," katanya.

Jaringan niaga promosi madu kelulut

SHAH ALAM - Jaringan perniagaan khas diwujudkan Kerajaan Negeri bagi mempromosi hasil madu lebah kelulut Selangor.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata pegawai Unit Perancang Ekonomi Negeri akan berbincang dengan wakil pengusaha madu lebah kelulut berhubung cadangan berkenaan.

Katanya, ia akan melibatkan penggunaan media sosial seperti Facebook bagi mencapai sasaran lebih besar meliputi dalam dan luar negara.

"Selain dianggotai penternak sedia ada, ia juga boleh disertai masyarakat luar Selangor.

"Kita mahu laman terbabit mempromosi kebaikan madu lebah kelulut Selangor seterusnya menarik minat orang ramai untuk mengusahakannya," katanya ketika Program Bersama Pengusaha Lebah Madu Kelulut

FAKTA KHASIAT MADU KELULUT

- Warnanya lebih jernih berbanding madu hutan biasa dan rasanya manis bercampur sedikit masam.
- Memulihkan pelbagai penyakit kronik dan berguna dalam bidang perubatan dan kesihatan.
- Meningkatkan metabolisme badan, menambahkan tenaga batin.
- Menjaga kecantikan, menguatkan wanita yang baru bersalin dan merawat pelbagai penyakit dan kecederaan dalaman.
- Anti oksidan yang tinggi



Selangor di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC), di sini, pada 30 November lalu.

Hadir sama Pembantu Exco Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Mohd Haslin Hassan dan Pengarah Jabatan Pertanian Selangor, Mohamad Idrus Ab Hamid.

Zaidy berkata, perusahaan madu lebah kelulut juga mampu memberikan pendapa-

tan lumayan seperti tanaman komersial lain.

"Jabatan Pertanian Selangor sendiri memulakan projek terbabit di Sabak Bernam bagi meningkatkan pendapatan pengusaha ladang kelapa.

"Saya dimaklumkan beberapa pengusaha mencatat pendapatan hasil madu lebah kelulut melebihi jualan kelapa atau tanaman lain," katanya.

1,000 bakau kurap ditanam pelihara alam

KLANG - Kira-kira 1,000 anak pokok bakau kurap (*Rhizophora*) berjaya ditanam Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Klang di Beting Labu Lemak, di sini, bagi memastikan pengekalan hutan paya laut terus terpelihara.

Program Pemuliharaan Alam Semulajadi (Tanam Bakau) dengan kerjasama Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Jabatan Laut Malaysia dan Jabatan Perhutanan Selangor (JPNS) itu membabitkan 100 sukarelawan.

Pegawai Daerah, Mohd Zainal Mohd Nor, berkata usaha

itu selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri yang prihatin dalam pemeliharaan kawasan hutan dan alam sekitar.

"Jika pokok bakau itu dapat hidup dengan baik, ia bertindak sebagai pelindung kepada kawasan Bagan Hailam dan Bagan Taucu juga kampung sekitar apabila berhadapan cuaca buruk atau ribut kencang," katanya kepada Selangor Kini, pada 26 November lalu.

Sebelum ini, Pengarah JPNS, Dr Mohd Puat Dahalan, berkata zon pemeliharaan hutan paya laut diwujudkan memastikan bakinya terjaga dan tidak ditebang atau

ditukar untuk digunakan tanah lain seperti pertanian serta penempatan.

Hutan simpanan kekal di Selangor bertambah dari 15,090 hektar kepada 18,998 hektar pada 2009 termasuk Kawasan Hutan Simpan Pulau Ketam yang diwartakan sebagai hutan simpanan kekal pada 6 Mei 2009 seluas 2,365 hektar yang asalnya tanah kerajaan.

Sejak 2010, JPNS tidak mengeluarkan sebarang pewartaan keluar kawasan hutan simpanan kekal hutan paya laut yang bermaksud penebangan pokok bakau adalah tidak dibenarkan sama sekali.

Majlis Penyampaian Anugerah
KAMPUNG TRADISI TERBAIK DAN USAHAWAN DESA TERBAIK
PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2015

Sempena :
PROGRAM KARNIVAL KAMPUNGKU KESAYANGANKU DAERAH HULU SELANGOR

Disampaikan Oleh :
YAB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
Dato' Menteri Besar Selangor

04 Disember 2015 | Jumaat | 9.00 Malam
Masjid Ar-Rahman, Kg. Hulu Bernam Selatan, Hulu Selangor



01



02



Anggota Keadilan mengangkat plakad 'Mana 2.6 Billion' menuntut penjelasan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Razak berkenaan skandal 1 Malaysian Development Berhad (1MDB) semasa Kongres Nasional Tahunan ke-11 2015 Keadilan yang diadakan di Ideal Convention Centre (IDCC), Shah Alam



03



04



05



06



07



08

01
Adun Hulu Klang, Saari Sungib bersama antara 450 penerima sumbangan Program Jom Shopping Back To School DUN Hulu Kelang bagi membeli barangan kelengkapan persekolahan di Pasaraya Giant Taman Permata

02
Ahli Parlimen Kapar, Manivanan Gowin bersama Exco Selangor, Dr Daroyah Alwi menyampaikan hadiah kepada pemenang dalam pertandingan Mini Karnival Sukan Rakyat Sungai Serdang 2015

03
Adun Tanjung Sepat, Haslin Hassan menziarahi dan menyampaikan sumbangan kepada Arman Shadi Akip rumahnya terbakar

04
Adun Jeram, Amiruddin Setro bersama petugas di penempatan banjir Kampung Bukit Cherakah

05
Adun Bangi, Shafie Ngah meluangkan masa melihat bakat kanak-kanak dalam menyediakan shushi dan muffin serta menyampaikan sijil kepada peserta dalam Program Program Chef Cilik di Lagundi, Bandar Seri Putra

06
Adun Sekinchan, Ng Suee Lim meraikan penerima bantuan dalam Program Back To School 2016 DUN Sekinchan

07
Adun Taman Templer, Zaidy Abdul Talib meraikan pasangan pengantin sempena Walimah Perdana yang diadakan di Taman Templer Selayang

08
Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong bersama masyarakat dalam Program Riang Ria di Padang Cergas Taman Teratai, Kuala Kubu Bharu

Battle Of The Bands

Ella: Beri impak positif industri muzik

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Rancangan Kerajaan Negeri menganjurkan pertandingan Battle Of The Bands (BOTB) mampu memberi impak positif terhadap perkembangan ekonomi sektor industri muzik di negeri itu.

Penyanyi yang terkenal dengan jolokan ratu rock negara, Ella atau nama sebenarnya Norzila Aminuddin, berkata BOTB turut memberi peluang pekerjaan kepada golongan yang sudah sedia terlibat dalam industri itu, di samping membuka peluang kepada anak muda mengembangkan bakat dalam bidang seni.

"BOTB adalah program yang baik untuk industri muzik apabila dapat mencungkil bakat baru terutama bagi anak muda kerana landasan untuk mengetengahkan bakat agak

kurang tetapi dengan adanya BOTB ini, maka dapat memberi peluang kepada mereka.

"Pertandingan BOTB itu sedikit sebanyak memberi impak positif terhadap kesan ekonomi kerana permintaan terhadap muzik agak tinggi, sekali gus dapat menaikkan industri dan ekonomi negara," katanya kepada Selangor Kini, di sini, pada 24 November lalu.

Ella adalah bekas vokalis kumpulan The Boys yang mula menempa nama dalam industri muzik tempatan pada tahun 1985 selepas menyertai pertandingan BOTB yang mencetuskan fenomena rock dalam kalangan anak muda ketika itu.

Selain Ella, pertandingan BOTB turut menaikkan beberapa nama besar lain dalam industri muzik tempatan seperti Lord dari kumpulan The Boys; Nash, Man Kidal dan Allahyarham Sa-




Ella

mad (Lefthanded); Rahim Maarof (Rahim Maarof & Whitesteel), Bloodshed dan SYJ.

Selepas beberapa dekad bergelumang dalam industri hiburan tempatan, kebanyakan penggiat seni tempatan lazimnya menceburkan diri dalam perniagaan belakang tabir seperti studio kelas muzik, perkhidmatan menyewa kelengkapan pementasan termasuk jurutera bunyi profesional, membekal peralatan muzik dan studio 'jamming'.

Selain perniagaan berkaitan hiburan, ramai antara mereka turut melabur dalam industri kecantikan antaranya Ella sendiri yang juga pengasas bersama kakaknya, Jojie bagi produk jenama Lameya yang beribu pejabat di Shah Alam.



Siapa Muluk?

SHAH ALAM - Orang ramai dipelawa hadir ke Malam Promosi Tayangan Filem terbaru arahan Datuk Prof A Razak Mohaideen, Muluk, pada 9 Disember ini.

Bertempat di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, tayangan diadakan bagi mempromosikan filem berkenaan sebelum ia menerjah ke layar perak di seluruh Malaysia tidak lama lagi.

Program anjuran Fakulti Filem, Teater dan Animasi (FiTA) UiTM Puncak Perdana itu juga salah satu projek pelajar tahun akhir bagi mengaplikasikan ilmu secara praktikal melalui kursus Film Distribution And Exhibition (CTM644).


Filem bergenre komedi setempat itu dibintangi barisan pelakon hebat seperti Azhari Zain (Muluk), Saiful Apek, Yassin Senario, Jalil Hamid, Tehmina, Faizul Rashid, Norman Hakim, Nadia Brian, Soo Wincci, Sarah Hildebrand, Raysha Rizrose, Azhan Rani, Syuk SYJ, kumpulan Zero dan Chem Amar.

ia mengisahkan seorang lelaki

yang bernama Muluk dan rakan-ranya yang sangat berkeinginan menyertai pasukan keselamatan kerana menganggap kerjaya sebagai pegawai keselamatan adalah wira masyarakat.

Orang ramai yang berminat untuk menonton tayangan filem ini boleh mendapatkan tiket berharga RM10 dengan menghubungi Koordinator Unit Pemasaran, Zuleika ZainalAnuar di talian 012-2149296.

Mereka juga boleh menghubungi Koordinator Unit Publiciti, Muhamad Amirul Hafiz Zulkifli di talian 017-2647596 atau Umi Atikah Mohd Kamil (0111-1012054).



Karnival Kampungku Kesayanganku

DAERAH HULU SELANGOR

04 & 05 DISEMBER 2015 (JUMAT & SABTU)
MASJID AR-RAHMAN, KG. HULU BERNAM SELATAN, HULU SELANGOR

PAMERAN & JUALAN PERTANDINGAN
 Mewarna Kanak-Kanak, Seni Khat, Gubahan Sireh & Masakan dan Kuih Tradisional

AKTIVITI MENARIK
 Sykaneka, Memanah Tradisional, Suppa Doopa, Forum Dikir Zikir, Teknik Perdana, Meneroka Angkasa, Majlis Berkhidmat Perdana

KENDURI RAKYAT

PERCUMA !!!
 Takar Minyak, Hitam Motorikal, Rawatan Muka & Dandan Rambut Wanita & Gunting Rambut Lelaki

RAMAH MESRA
 Bersewa Bilik Kempong & Negeri Masjid
 8.00 Petang (Jumaat)

MAJLIS PERASMIAN
 Persembahan Aira Uudayan, Bedaya Hilmi & Da's Hamidah
 8.00 Malam (Jumaat)

MENEROKA ANGKASA
 Bersewa Jabatan BEPTI
 11.00 Malam (Jumaat)

KAYUHAN
 Kemunculan Kesayanganku, PENENTUAN AKAH BELAT & TUAH MASYARAKAT
 7.00 Pagi (Sabtu)

RAMAH MESRA
 Bersewa Bilik Kempong & Negeri Masjid
 8.00 Malam (Sabtu)

SEMERANG SANTAI
 Bersewa Bilik Kempong & Negeri Masjid
 8.00 Malam (Sabtu)

MAJLIS BERKHIDMAT PERDANA
 10.00 Pagi (Sabtu)

KENDURI RAKYAT
 11.30 Tengah Hari (Sabtu)

TABRIK PERDANA
 8.30 Malam (Sabtu)

FORUM DIKIR ZIKIR
 Muzik, Dikir, The Night, Bin Nanti, Anasir, Asa, R. Abu, Mawati, Dr. Syed Abdul Kadir Al Jufri
 8.00 Malam (Sabtu)

Anjuran : Jawatankuasa Telap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa & Kampung Tradisi

Belasungkawa

Kerendahan hati 'Yus Jambu' jadi kenangan

SHAH ALAM - Pemergian pelawak, Yus Jambu atau nama sebenarnya Yussry Edoo, 39, pada 30 November lalu benar-benar meninggalkan kesan bukan sahaja kepada peminat dan sahabat, bahkan terhadap orang ramai.

Kebanyakan komen di laman sosial menceritakan kebaikan dan kerendahan hati Allahyarham sepanjang hayatnya dan beliau juga antara penyumbang utama Sekolah Agama MADI di Arau, Perlis.

"Kematian demi kematian, ia sebuah ibrah buat kita semua. Keberkatan dalam kehidupan juga diukur dengan ramainya insan yang mendoakan kita. Ada insan berbakti untuk agama tapi diam tanpa lensa kamera.

Bila menghadap Tuhan, barulah kebbaikannya ditatap masyarakat awam, jom teman-teman, bersiap!" kongsi pendakwah terkenal Ustaz Dr Riduan Mohamad Nor di Facebooknya.

Sahabat baik Allahyarham, Ilham Tuah Raja Lawak turut berkongsi kemurahan hati Juara Raja Lawak musim pertama itu yang membantunya di saat kesempitan wang.

"Di kemudian hari apabila saya nak pulangkan duit yang diberi, inilah kata arwah. 'aku tak mahu, daripada hang bagi kat aku, baik hang bagi kat anak yatim, takpun belanja kawan-kawan. Ramai lagi yang perlukan duit,"katanya.

Selain itu, netizen juga tidak ketinggalan

berkongsi perasaan mereka dengan pemerhatian yang tidak disangka ini.

"Yus ni bukan kenalan kita pun, bukan saudara kita tapi bila dapat tahu berita yang dia dah meninggal rasanya sangat berbeza seolah-olah seperti kita kehilangan orang terdekat.

Setiap kali kita nampak Pak Yus kita sentiasa gelak, yang penat jadi bersemangat, yang sedih jadi gembira bila tengok gelagatnya. Terima kasih kerana menghiburkan kami selama ini,"kongsi Lukis Atas Kertas di salah satu 'posting' Sukan Star TV.

"Bukan sebab arwah popular orang ramai datang tapi sebab ini pilihan Allah dan kelebihan dan kemuliaan yang Allah bagi pada arwah yang kita tak tahu. Al fatihah," kata Muhammad Anif berhubung kehadiran luar biasa ketika pengebumian Allahyarham Yus.

Yus Jambu disahkan meninggal dunia kira-kira jam 12.15 tengah malam di Hospital Selayang akibat serangan jantung.

Beliau dilaporkan mengalami sesak nafas di dalam kereta ketika perjalanan pulang ke

rumah selepas selesai menayakan program 'Raja Band' di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

Anak seni kelahiran Kangar, Perlis ini memulakan kerjaya seni dengan menyertai Sinaran Pasport Kegemilangan pada 2001.

Pada 2007, beliau mula meraih perhatian apabila diumumkan juara program Raja Lawak musim pertama pada 2007.

Pada 2011, Yus bersama Tauke membentuk kumpulan Jambu dan menyertai Maharaja Lawak Mega

dan berjaya mendapat tempat keempa sebelum muncul naib johan Maharaja Lawak Mega edisi 2012.

Beliau pernah dinobatkan sebagai Pelakon Teater Terbaik Kebangsaan pada tahun 2004 dan sudah terbabit dalam lebih 20 buah drama dan 11 buah filem.

Antara tagline Yus yang paling mendapat perhatian adalah 'Boleh tuju lagu, 'kicap ada kicap, 'Yaya Toure Manchester City, 'apa pun tak boleh' dan 'kokdiang'.



RM120,000 menanti penerima Dana Sastera Selangor

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Anugerah Hadiah Sastera Selangor Kini bakal menobatkan penerima sulung Dana Sastera Selangor 2015 serta dana RM120,000.

Tokoh sasterawan terpilih berpeluang menerbitkan karya dan mengadakan program pembangunan bakat dalam bidang sastera sumbangan Jawatankuasa Tetap Kebudayaan.

Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Keusahawanan, Amirudin Shari, berkata lima finalis untuk setiap kategori karya yang diterbitkan Selangor Kini pula sudah disenarai pendek dan bakal berlangsung di RUANG Event Space, Seksyen 16, di sini, jam 8 malam, pada 8 Disember ini.

Katanya, hampir 200 karya penulisan dari tiga kategori iaitu cerpen, sajak dan esei sudah dihipunkan untuk dinilai juri yang diketuai Sasterawan Negara, Datuk Dr Mohd Anwar Ridhwan.

"Karya terbaik yang memenangi hadiah utama untuk setiap kategori bakal menerima mawang tunai RM5,000 manakala empat karya terbaik akan dipilih sebagai pemenang hadiah saguhati RM1,000.

"Semua pemenang juga bakal membawa pulang trofi dan sijil penghargaan,"katanya kepada Selangor Kini, pada 1 Disember lalu.

Selaku Ketua Juri, Mohd Anwar menghar-



gai peranan dimainkan Kerajaan Selangor dalam membuka ruang seni khususnya buat karyawan muda.

Katanya, hampir 90 peratus karyawan muda menghantar nukilan sastera untuk penganjur sulung anugerah.

"Finalis dipilih berdasarkan tiga kriteria. Pertama, kandungan isu yang diketengahkan sama ada berat atau sederhana, gaya pengolahan juga penggunaan bahasa. Saya mengharapkan anugerah sebegini diteruskan pada masa akan datang,"katanya.

Hadiah Sastera Selangor Kini bertujuan memberi penghargaan kepada karya sastera yang diterbitkan di akhbar Selangor Kini bermula akhir 2014 sehingga Oktober lalu.

Anugerah itu diharapkan dapat merancakkan lagi bidang penulisan sastera dalam bentuk cerpen, sajak dan esei dalam kalangan penulis muda dan mapan.



JABATAN KERJA RAYA
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

**KENYATAAN PRA KELAYAKAN
PERKHIDMATAN PERUNDING**



Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor mempelawa firma-firma perunding yang berminat dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan untuk menyertai pra-kelayakan bagi pelaksanaan projek seperti berikut:-

**CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN JALAN DARI HULU CHUCHUH
KE SALAK TINGGI, DAERAH SEPANG, SELANGOR DARUL EHSAN
NO. TENDER: JKR/SEL/PP/J/(N)001(T)/2015**

Syarat Mandatori:-

1. Firma berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang 330101 (Kejuruteraan Awam);
2. Firma berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan bertaraf 'Sendirian Berhad';
3. Firma telah beroperasi sekurang-kurangnya 10 tahun;
4. Bilangan minimum kakitangan ikhtisas firma, 10 orang;
5. Sekurang-kurangnya dua (2) orang kakitangan ikhtisas yang mempunyai kepakaran dalam bidang Kejuruteraan Jalan;
6. Firma pernah melaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) projek seumpama sebagai perunding utama; atau melaksanakan dua (2) atau lebih sebagai sub-perunding;
7. Firma wajib berdaftar dengan Pejabat Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN); dan
8. Firma perunding yang menepati syarat-syarat di atas boleh mendapatkan Dokumen Pelawaan Pra Kelayakan di Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, Jabatan Kerja Raya Selangor, Tingkat 1, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40582 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan dari 30 November 2015 (Isnin) hingga 14 Disember 2015 (Isnin). Dokumen pelawaan dijual dengan harga RM 60.00 bagi setiap satu (1) set. (Bayaran dalam bentuk Darf Bank/Kiriman Wang/Wang Pos). Atas nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor

Cadangan Teknikal Pra Kelayakan hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dan ditandakan "Cadangan Teknikal Pra Kelayakan" di sebelah kiri sampul surat berkenaan dan dialamatkan ke Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor, Tingkat 1, Bangunan SSAAS, 40582 Shah Alam tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari pada 21 Disember 2015 (Isnin). Dokumen Cadangan Teknikal yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

Dokumen Pelawaan akan dikeluarkan kepada firma Perunding yang sah sahaja. Untuk maksud ini, Perunding atau wakil Perunding bersama surat wakil kuasa hendaklah menunjukkan Sijil Perakuan Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia yang ASAL dan salinannya. SALINAN yang disahkan juga diterima.

Hanya firma yang lulus proses penilaian pra kelayakan akan dipelawa ke peringkat seterusnya. Sebarang pertanyaan sila hubungi Bahagian Jalan, JKR Selangor No: 55447702/7703



Pakar bioteknologi disenarai 100 individu paling berpengaruh dunia

Dr Maha gembira sumbangan diiktiraf

Pakar Bioteknologi, **DR MAHALETCHUMY ARUJANAN**, 46, tersenarai sebagai salah seorang daripada 100 individu paling berpengaruh di dunia. Beliau terse-

Q&A

narai dalam kalangan individu terkenal termasuk Bill dan Melinda Gates serta pelakon Michael J Fox seperti yang diterbitkan majalah sains 'Scientific American'. Kejayaan itu sudah tentu membanggakan rakyat Malaysia. Anak kelahiran Klang itu juga adalah Pengarah Eksekutif Pusat Maklumat Bioteknologi Malaysia (MABIC). Ikuti temubual beliau bersama wartawan Selangor Kini, **NORHAYATI UMOR** bagi berkongsi pengalaman kejayaan beliau serta pandangan berkenaan industri bioteknologi di Malaysia dan pelaksanaan Selangor Bio Bay di negeri ini.

Boleh ceritakan berkenaan diri dan keluarga?

Saya dilahirkan di Kampung Jawa, Klang. Arwah bapa saya adalah bekas guru besar sekolah tamil. Ibu seorang suri rumah dan saya mempunyai lima adik-beradik. Keluarga kami dititik beratkan dengan disiplin yang sangat tinggi oleh bapa dan fokus kepada pendidikan.

Daripada awal lagi kami diberikan bimbingan, pendidikan dan nilai moral. Kata bapa, perkara itu penting untuk bentuk karakter seseorang. Suami saya, M Selvamuthu bekerja di Takaful Malaysia dan saya mempunyai dua anak perempuan Komala, 16, dan Deepa, 15.

Berapa lama tinggal di Kampung Jawa? Apa yang menarik di Klang pada pandangan Dr?

Memang daripada kecil saya bersekolah di Bukit Kuda. Daripada tingkatan satu hingga lima. Masa saya tingkatan enam baru berpindah ke Kampung Jawa, jadi dua kawasan ini adalah kampung saya. Suami saya berasal dari Puchong dan saya berpindah ke sini selepas berkahwin.

Klang bagi saya taraf hidup tidak tinggi berbanding kawasan lain. Walaupun saya sudah berpindah berbelas tahun selepas berkahwin tetapi jika perlukan sebarang keperluan, maka saya

“

Sangat gembira dan bangga kerana dapat menaikkan nama Malaysia. Kalau dilihat senarai nama itu, saya seorang saja dari Malaysia. Memang sangat bangga dan gembira kerana segala yang saya lakukan di Malaysia dan luar negara diiktiraf

akan pergi ke Klang dan semua kita boleh dapat di sana. Taraf hidup di sana masih sesuai dengan semua golongan termasuk pertengahan. Klang adalah tempat yang sangat dekat di hati saya.

Bagaimana perasaan Dr apabila menjadi 100 orang paling berpengaruh dalam bidang bioteknologi.

Sangat gembira dan bangga kerana dapat menaikkan nama Malaysia. Kalau dilihat senarai nama itu, saya seorang saja dari

Malaysia. Memang sangat bangga dan gembira kerana segala yang saya lakukan di Malaysia dan luar negara diiktiraf. Sebenarnya, senarai itu hanya satu pengiktirafan. Pada tahun 2010, saya sudah diberi satu anugerah dari 'third world academy of science'. Saya menerima 'Public Understanding of Science for Region South Asian dan Pasific'.

Tahun ini juga saya disenarai-kan bersama 22 wanita lain dalam bidang perundangan dan sains sebagai 'women in biotechnology law and regulation' dari Amerika Syarikat untuk jurnal bertajuk 'biotec law report'. Itu juga adalah satu pengiktirafan. Memang kita rasa gembira kerana apa yang dilakukan ada pengiktirafan, bahkan ia juga sebagai dorongan untuk saya menyumbang lebih banyak kepada Malaysia dan global.

Kenapa Dr berminat dalam bidang ini?

Sejak saya diterima masuk ke Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam bidang mikrobiologi dan biokimia kerana rasa bidang ini merangkumi pelbagai sektor. Bukan sahaja sains hayat. Jika kita lihat ketika ini, bioteknologi bukan sahaja membabitkan pertanian atau perubatan tetapi juga industri. Industri ini boleh jadi 'oil and gas', elektronik dan persekitaran.

Banyak masalah juga caba-

ran yang dihadapi dalam dunia ini boleh diatasi dengan menggunakan bioteknologi. Memang saya sangat berminat untuk belajar dengan lebih mendalam.

Kongsikan perjalanan kerjaya Dr sehingga ke tahap yang membanggakan ketika ini.

Sejak daripada bangku sekolah saya bercita-cita untuk menjadi peguam khususnya ketika di tingkatan tiga. Tetapi bapa saya mempersoalkan kenapa tidak memilih sains dan matematik kerana saya sangat cemerlang.

Walaupun saya memang minat menjadi peguam namun saya mengikuti nasihat bapa. Saya fikir selepas masuk ke tingkatan enam boleh mengikuti pengajian dalam bidang sastera tetapi ketika tingkatan empat jatuh cinta dalam mata pelajaran sains sehingga diterima masuk ke UPM.

Ketika itu, saya sangat kagum dengan sains. Saya lihat dalam mikrobiologi itu sekecil titik beribu-ribu reaksi berlaku dalam sel dan bagaimana reaksi berkenaan kita aplikasi untuk manfaat masyarakat.

Saya bertekad untuk meneruskan pengajian di peringkat sarjana di Universiti Malaya dalam bidang bioteknologi. Selepas itu, saya bekerja di beberapa syarikat tetapi masih rasa apa yang dicari itu tidak ditemui

termasuk di organisasi antarabangsa dan tempatan.

Cabaran yang saya mahukan tidak dapat sehingga bekerja di MABIC yang bertaraf antarabangsa tetapi di Malaysia, MABIC sebagai 'non profit organization'. Saya menceburi bidang sains, perundangan polisi, agama, komunikasi dan perniagaan kerana semuanya sangat penting dalam bioteknologi.

Saya tidak berkemahiran dalam semua ini tetapi ia cabaran kepada saya. Apa sahaja seminar dan persidangan menjadi landasan untuk saya bergaul rapat dengan orang yang berkemahiran dalam semua bidang ini. Daripada situ, bermulalah kerjaya saya sebagai 'science communicators'.

Pada 2008, selepas memahami semua aspek dalam bidang bioteknologi, saya meneruskan pengajian ke peringkat PHD dalam sains komunikasi. Sains itu sesuatu yang kompleks. Bukan semua orang minat dengan sains. Sains ialah perkara yang kompleks dan bosan.

Jadi, kita perlukan seseorang yang boleh berkomunikasi berkenaan sains secara efektif dan pandai menarik minat bukan sahaja orang ramai tetapi penggubal dasar, ahli politik, media dan guru. Banyak perkara berkenaan perundangan sangat penting dalam bioteknologi. Jadi, saya terlibat semua dalam perkara ini.



Bagaimana dengan sokongan keluarga? Bagaimana Dr membahagikan masa antara kerjaya dan keluarga?

Sokongan keluarga memang bagus. Pendidikan memang dititik beratkan termasuk bahasa Melayu dan Inggeris. Saya dipaksa membaca surat khabar semua bahasa. Bila kerja semakin meningkat, maka akan banyak cabaran. Nak bahagikan masa antara kerjaya dengan keluarga, tanggungjawab sebagai isteri dan ibu sangat memerlukan sokongan dan dorongan daripada suami. Suami sangat memahami dan sentiasa memberikan sokongan supaya kerjaya saya tidak terjejas. Saya terpaksa ke luar negara atau negeri lebih lapan kali setahun, jadi suami mengisi tanggungjawab saya apabila tiada di rumah. Sekarang, saya boleh membahagikan masa bekerja mengikut masa sendiri, adakala bekerja dari rumah dan itu memberikan bonus tambahan. Sebagai wanita kita perlu pandai membahagikan masa, apa yang perlu dititik beratkan dalam keluarga adalah dengan mengutamakan yang penting dahulu.

Sasaran kerjaya Dr selepas ini?

Saya akan terus menyumbang dalam bidang ini untuk negara kita. Malaysia memang ada polisi yang bagus. Ada 'political wheel' yang kuat dari Kerajaan Persekutuan juga Negeri. Cabaran semasa yang berlaku di negara sememangnya bioteknologi ada jawapannya. Selain di negara kita, saya mahu lebih aktif di peringkat antarabangsa. Saya mahu bidang ini dimanfaatkan osemua negara terutama yang sedang membangun.

Di Malaysia, bagaimana Dr melihat kemajuan dalam bidang bioteknologi setakat ini?

Agak pesat. Sejak 2005 hingga 2008, terutama dengan adanya Dasar Bioteknologi oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi. Banyak syarikat tempatan juga luar negara menyumbang kepada pelaburan tempatan dan asing tetapi banyak lagi yang perlu dilakukan sebab apa-apa yang berlaku dalam penyelidikan kita, universiti di negara ini tidak cukup untuk ke luar pasaran.

Penyelidikan kita perlu diberikan lebih keutamaan mengikut kehendak pasaran. Kalau dilihat, aspek itu memang banyak yang perlu dilakukan tetapi bila lihat GDP pula kebanyakannya memang banyak daripada bidang bioteknologi. Graduan kita diberi bimbingan supaya mereka bersedia memasuki pasaran bioteknologi.

Apakah cadangan Dr untuk mengembangkan bidang ini?

Apa yang paling penting, bioteknologi bidang 'multidisciplinary'...tidak ada satu institusi atau seseorang yang boleh memajukan bidang ini. Ia perlukan sumbangan daripada pelbagai industri contohnya sektor kewangan, perundangan, politik dan media. Apa yang paling penting adalah pelaksanaan. Di Malaysia, polisi memang bagus juga perundangan tetapi masalah akan datang di peringkat pelaksanaannya.

Paling penting, hala tuju kita utamakan terhadap apa yang negara ingin capai. Contohnya isu denggi apabila adar kematian setiap tahun meningkat, jadi apa negara kita buat? Malaysia

antara yang terawal menyertai pengubahsuaian genetik untuk denggi. Larva akan mati sebelum mencapai dewasa. Jika kita teruskan usaha ini populasi aedes akan turun tetapi kita masih di belakang. Brazil dalam masa lima tahun sudah komersialkan bidang ini. Malaysia tiada apa-apa. Kita berhentikan projek ini atas banyak faktor.

Sebab itu saya katakan keutamaan kita perlu selaras dengan hala tuju yang mahu dicapai, apa masalah yang mahu ditangani di Malaysia. Hala tuju dan keutamaan ini tidak boleh ditukar atau diubah walaupun Menteri Besar, Perdana Menteri atau menteri yang terbabit bertukar. Itu tidak boleh. Dalam sains, kita tidak boleh dapat keputusan selepas setahun atau dua tahun penyelidikan.

Adakala, sehingga lima tahun tiada keputusan dan kena tunggu dalam jangka masa panjang contohnya 10 hingga 15 tahun. Dalam tempoh ini, kita akan hadapi tiga pilihan raya yang membuatkan projek dirasmikan tapi tiada kesinambungan seterusnya tukar kepada yang lain.

Apa pandangan Dr berkenaan industri 'Bio Bay'? Di Selangor, Dato' Menteri Besar merancang untuk membangunkannya di Pulau Indah yang akan memberi fokus kepada penghasilan produk bioteknologi dan sains hayat. Bagaimana ia boleh dilaksanakan?

Saya tahu hasrat itu. Ia sangat baik untuk dilaksanakan dan perlu dipuji. Selangor sebuah negeri yang membangun, jadi ia tidak boleh ditepikan. Apa yang saya faham berkenaan Selangor Bio Bay, ia menekankan teknologi

yang berimpak tinggi, sains hayat dan bidang perubatan. Secara terperinci, saya tidak pasti lagi apa keutamaannya dan rancangan aktiviti. Tetapi ia adalah inisiatif yang sangat baik dan perkara ini perlu sentiasa diberikan tindakan susulan sampai berjaya. Saya berharap Kerajaan Negeri memberikan fokus yang kuat sehingga ia dapat direalisasikan.

Apakah cabaran atau risiko yang akan dihadapi dalam situasi ketika ini dalam merealisasikan Selangor Bio Bay?

Bidang bioteknologi boleh dikatakan baru lagi di Malaysia. Cabaran yang paling besar ialah 'political wheel'. Tidak kira Menteri Besar atau Exco bertukar tetapi pelaksanaan perlu diteruskan sehingga kita dapat menjana pelaburan. Sudah tentu Kerajaan Negeri mempunyai sasaran pelaburan. Orang yang bertanggungjawab dalam hal ini perlu memastikan sasaran tidak terpesong.

Cabaran kedua ialah dana. Bidang ini tidak boleh diteruskan jika dana tidak mencukupi. Kerajaan Negeri perlu memastikan dana mencukupi bagi membangunkan industri ini. Cabaran ketiga adalah mewujudkan modal insan yang berkemahiran tinggi. Jadi, graduan perlu dibimbing dan diberikan latihan supaya mereka dapat memasuki pasaran ini.

Cabaran keempat, ialah kerjasama daripada semua pihak. Bidang ini memerlukan kerjasama semua sektor. Golongan ulama juga perlu diberikan informasi yang tepat berhubung perkara ini supaya ia tidak bercanggah dengan hukum syarak. Harap Kerajaan Negeri peka dan bersedia hadapi cabaran ini.

Apakah manfaat kepada negeri daripada pembangunan 'Selangor Bio Bay' ini? Peluang pekerjaan?

Terlalu banyak. Sebagai anak Selangor, sangat berharap Selangor Bio Bay dapat dilaksanakan. Ia akan memberi peluang kepada penjana pelaburan yang sangat tinggi dari luar atau dalam negara. Paling penting penjana peluang pekerjaan. Semua universiti di Malaysia saya sudah pergi.

Saya terfikir, adakah mereka ini akan diberikan pekerjaan dalam bidang ini? Jadi, jika projek ini berjaya ia akan membuka peluang bukan sahaja kepada anak Selangor tetapi juga negeri lain. Juga kepada belia yang berminat untuk menjadi petani moden. Manfaat yang tidak ternilai jika kita tidak lagi mengimport barangan dari luar sama ada perubatan, makanan dan sebagainya.

Bagaimana dengan tenaga mahir, adakah tenaga mahir di Selangor mencukupi?

Tenaga mahir mencukupi. Kita ada 20 universiti awam juga universiti swasta. Cuma mereka perlu dibimbing mengikut bidang yang diperlukan.

Adakah usaha ini selaras dengan misi Kerajaan Negeri untuk ke arah 'Smart State/Smart Selangor'?

Ya. Sudah tentu. Sebab bioteknologi ini bidang berteknologi tinggi kerana kita perlu beredar daripada teknologi lama atau teknologi yang boleh ditandingi negara lain supaya ia memberikan kita kekuatan kepada negeri atau negara.



OLEH NAZLI IBRAHIM

PETALING JAYA - Kerjasama antara Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dengan Bandung, Indonesia diperkukuhkan lagi melalui Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani, pada 27 November lalu.

MoU itu menggariskan empat kerjasama meliputi pelbagai aspek yang ditandatangani antara Datuk Bandar Petaling Jaya, Mohd Azizi Mohd Zain dan Walikota Bandung, Mochamad Ridwan Kamil.

Mohd Azizi, berkata MoU melibatkan aspek pendidikan, ekonomi, pembangunan, pelancongan dan kebudayaan itu membolehkan MBPJ mencontohi Bandung sebagai finalis Inovasi Smart City Organisation Awards 2015, di Barcelona.

"Setinggi-tinggi tahniah kepada Bandung kerana berjaya menjadi finalis untuk Inovasi Smart City Organisation Awards 2015 dan akan bersaing dengan Moscow, Dubai, Buenos Aires, Curitiba dan Peterborough.

"Diharap ahli majlis, pegawai dan kakitangan MBPJ serta masyarakat dapat mengambil peluang mempelajari amalan terbaik diamalkan di Bandung," katanya pada Majlis Menandatangani MoU MBPJ dengan Bandung, di The Club @ Bukit Utama, di sini.

Katanya, selain Bandung,

Petaling Jaya dan Bandung tandatangani MoU

Empat kerjasama tingkat pembangunan

MBPJ turut menjalin kerjasama dengan tiga bandar raya lain iaitu Asan di Korea, Guangzhou di China dan Saitama di Jepun.

Hadir sama, Duta Besar Indonesia ke Malaysia, Herman Prayitno.

Sementara itu, Mochamad Ridwan pada majlis sama berharap MoU itu dapat diterjemahkan dengan gerak kerja yang memanfaatkan dua belah pihak.

"Petaling Jaya membangun dengan baik sekali dan saya yakin MoU ini tidak sekadar majlis sahaja tetapi sesuatu yang benar supaya masing-masing dapat belajar sesuatu," katanya.

Terdahulu, dalam rangka lawatan kerja delegasi Bandung ke Petaling Jaya, Mochamad Ridwan turut diberi penghormatan menanam Monumen Bandung dan pokok hiasan sebagai simbolik persahabatan bandar raya itu di perkarangan Ibu Pejabat MBPJ.



Datuk Bandar MBPJ, Mohd Azizi Mohd Zain dan Walikota Bandung, Mochamad Ridwan Kamil memeterai perjanjian bagi memperkukuh kerjasama dalam pelbagai bidang

Bandung contohi kejayaan pentadbiran Selangor

PETALING JAYA - Walikota Bandung, Indonesia, Mochamad Ridwan Kamil kagum dengan pendirian rakyat Selangor yang memilih pembangkang untuk mentadbir negeri termaju itu, sejak 2008.

Katanya, urus tadbir Selangor di bawah Pakatan Rakyat memacu pembangunan negeri dengan mengutamakan akauntabiliti dalam pentadbirannya menjadi contoh kepada Bandung.

"Selangor adalah negeri unik kerana ia adalah salah satu dari tiga negeri yang tidak dikuasai Kerajaan (Umno-BN).

Uniknya apabila pengundi kekal bersama pembangkang walaupun negeri itu paling hampir dengan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Ia menjadi contoh kepada Bandung dan kami juga ingin belajar dengan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) untuk pengurusan perbandaran.



Mochamad Ridwan Kamil

Cuma sedikit berbeza di Petaling Jaya kerana penduduknya kira-kira 700,000 sedangkan Bandung 2.5 juta," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui Selangor Kini selepas menghadiri Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara MBPJ dengan Bandung di The Club @ Bukit Utama, di sini, pada 28 November lalu.

Penduduk komited banteras sampah haram

SHAH ALAM - Penduduk kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dipuji ekoran sikap komited membantu pihak berkuasa tempatan (PBT) menyalurkan maklumat berkenaan pelupusan sampah haram.

Datuk Bandar Petaling Jaya, Mohd Azizi Mohd Zain, berkata sampah haram masih menjadi masalah di kebanyakan kawasan antaranya pusat komersial, in-

dustri dan perumahan.

"Isu sampah haram kini semakin berkurangan atas tanggungjawab bersama daripada masyarakat yang tidak putus salurkan maklumat.

"Tanpa tawaran ganjaran juga kita tetap terima maklumat yang banyak daripada penduduk," katanya, pada 24 November lalu.

Bagaimanapun, katanya, anggota MBPJ tetap ditugaskan

dan sentiasa membuat pantauan serta bertindak segera jika menerima sebarang maklumat.

"Kita meletakkan beberapa anggota untuk bersedia dan mengawal di beberapa kawasan hotspot pembuangan sampah haram.

"Kita juga meneruskan kempen kerana ia bukan sahaja tugas PBT, malahan untuk semua masyarakat dalam memberikan kerjasama," katanya.

700 kenderaan buruk diambil tindakan

PETALING JAYA - Hampir 700 kenderaan buruk dikenal pasti di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengakibatkan gangguan petak tempat kenderaan.

Datuk Bandar Petaling Jaya, Mohd Azizi Mohd Zain, berkata MBPJ giat menjalankan operasi kenderaan buruk yang dilaksanakan secara berterusan di lokasi utama bersama Jabatan Penguatkuasaan dan Kejuruteraan.

"Sehingga kini, 326 ken-

deraan buruk diambil tindakan pengalihan, manakala 324 dialihkan pemilik kenderaan selepas notis dikeluarkan.

"Pemilik kenderaan disaran mengambil tindakan segera pengalihan terutama di kawasan kediaman supaya tidak menimbulkan ketidakselesaan kepada orang awam," katanya.

Sementara itu, bagi penguasa bengkel diminta memberi kerjasama mematuhi undang-undang dan tidak menghalang petak letak kereta.

“

Sehingga kini, 326 kenderaan buruk diambil tindakan pengalihan, manakala 324 dialihkan pemilik kenderaan selepas notis dikeluarkan

MOHD AZIZI
Datuk bandar Petaling Jaya

Restoran 24 jam perlu pastikan kebersihan

SELAYANG - Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dijangka melaksanakan arahan penutupan operasi restoran 24 jam selama dua jam setiap hari bagi membolehkan kerja pembersihan dilakukan, bermula Januari 2016.

Yang Dipertuanya, Suliman Abd Rahman (**gambar**), berkata penguatkuasaan itu disertakan dengan senarai kerja sebagai panduan yang perlu dipatuhi pemilik premis sepanjang tempoh antara jam 2 hingga 4 pagi itu.

Katanya, pertemuan bersama pemilik premis dibuat beberapa bulan lalu untuk mendapatkan maklum balas cadangan itu.

"Sistem itu bagi memastikan kebersihan premis berada dalam keadaan baik dan bersih bagi mengelakkan wabak penyakit seperti kencing tikus.

"Kelonggaran tempoh penutupan itu bergantung kepada kesesuaian pemilik premis itu sendiri antara dua atau tiga jam setiap hari untuk membolehkan kerja pembersihan dilakukan," katanya



selepas selesai mesyuarat penuh bulanan MPS yang dipetik Sinar Harian.

Katanya, lebih seratus premis 24 jam beroperasi di MPS.

"Ada antaranya menghadapi masalah pembersihan melalui pemeriksaan kesihatan hingga arahan penutupan dibuat. Bagi yang mengekalkan kebersihan tidak menjadi masalah.

"Sementara itu, restoran makanan segera pula kebiasaannya tidak mempunyai masalah kerana mempunyai jadual kerja pembersihan sendiri. Namun, MPS akan memantaunya dari semasa ke semasa," katanya.

Dalamkan paya elak banjir di KTMB Serdang

SUBANG JAYA - Pemaju diarahkan mendalamkan paya seluas sembilan ekar berhampiran Kompleks Beli-belah The Mines sebagai penyelesaian awal banjir di Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) Serdang.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Datuk Norhisham Ahmad Dahalan, berkata kerja pengorekan akan dilakukan secepat mungkin.

"Cadangan itu dapat mengurangkan banjir yang berlaku ketika ini," katanya kepada media selepas mempengerusikan Mesyuarat Bulanan MPSJ, di sini, pada 25 November lalu.

Pada masa sama, Norhisham berkata, pihaknya bersedia meng-

hadapi banjir khususnya di kawasan rendah ekoran taburan hujan luar biasa kebelakangan ini.

Katanya, jawatankuasa dilantik sudah mengenal pasti saluran dan longkang tersumbat untuk memastikan kerja pembersihan.

"Pada 1 dan 3 November lalu, 14 lokasi di kawasan MPSJ mengalami banjir ekoran longkang bersaiz kecil tidak dapat menampung kapasiti aliran yang banyak.

"Kita juga memerlukan kolam tadahan serta menaik taraf longkang sedia ada kepada saiz lebih besar," katanya.

Beliau juga berharap Kerajaan Negeri dapat menyuntik dana kepada MPSJ bagi menaik taraf sistem perparitan uzur.

MBSA rangkul enam anugerah

Tekad beri khidmat lebih baik

OLEH SYASYA SUFIAN

SHAH ALAM - Usaha keras Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mempertingkatkan perkhidmatan awam dan lebih kreatif ternyata berbaloi apabila berjaya merangkul enam anugerah peringkat negeri dan kebangsaan 2015.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad, berkata pengiktirafan itu memberi motivasi kepada MBSA untuk menyalurkan perkhidmatan lebih cekap kepada orang ramai.

"Tetapi, ia tidak meletakkan MBSA dalam zon selesa sebaliknya sebagai motivasi meningkatkan lagi prestasi kerja," katanya dalam kenyataan.

MBSA menerima Anugerah Pertama Inisiatif Hijau Kategori Sistem Pengumpulan Dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPA) dalam Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2015 anjuran Kementerian Kesihatan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPPT).

MBSA juga, menerima anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang, Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor (APPC) 2015 bagi kategori Pengurusan Teras.



Yang Dipertua MBSA, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad menerima Anugerah yang disampaikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohammed Kusrin Haji Munawi

Selain itu, MBSA turut menerima Anugerah Khas daripada Kerajaan Selangor melalui beberapa kumpulan antaranya Kumpulan X-Park kerana dinobatkan sebagai johan dalam Anugerah Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Kali Ke-28.

Kumpulan EX7 pula, MBSA memenangi hadiah utama kategori produk akhir terbaik

dalam Program Cabaran My Innovation Pentadbiran Awam Negeri Selangor.

Manakala, kumpulan X-Pert, MBSA menerima Anugerah Khas Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) dan Kumpulan Bamboo, MBSA menjadi naib johan dalam kategori teknikal.

Anugerah disampaikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohammed Kusrin Haji Munawi.

MPSJ guna motosikal elektrik 2016

SUBANG JAYA - Penggunaan motosikal elektrik akan mula digunakan penguatkuasa Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), bermula Januari 2016.

Yang Dipertuanya, Datuk Norhisham Ahmad Dahalan, berkata ia sekali gus menjadikan MPSJ sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama di Selangor menggunakan motosikal itu.

Katanya, ia turut memberikan imej dan contoh kepada PBT lain selaras dengan inisiatif ke arah Bandar Hijau 2030 MPSJ.

"Selaras dengan inisiatif Majlis Perbandaran Subang Jaya Ke Arah Bandar Hijau 2030, Program Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon (LCCF) MPSJ bersejua menggunakan motosikal

elektrik daripada Syarikat Eclimo Motor Sdn Bhd bagi tujuan penggunaan oleh Jabatan Penguatkuasaan MPSJ.

"MPSJ adalah 'Strategic Partners' bersama Malaysian Green Technology Corporation (MGTC) di bawah Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA).

Eclimo Motor Sdn Bhd beroperasi di Pulau Pinang dan syarikat motosikal elektrik tempatan pertama di pasaran," katanya selepas mempengerusikan Majlis Mesyuarat Penuh Bulanan MPSJ, di sini, pada 25 November lalu.

Norhisham berkata, 10 motosikal elektrik akan digunakan melalui kaedah penyewaan yang dilihat membantu memberikan

penjimatan daripada aspek kos penyelenggaraan kerana ia di bawah tanggungan syarikat.

"Antara agensi yang sudah menggunakan motosikal elektrik adalah Majlis Bandaraya Pulau Pinang, polis dan Kentucky Fried Chicken (KFC).

"Faedah diperoleh bagi pelaksanaan penggunaan motosikal elektrik ini selain daripada aspek penjagaan alam sekitar adalah pelepasan karbon kerana ia tidak mengeluarkan asap kenderaan," katanya.

Beliau berkata, motosikal elektrik itu juga tidak mempunyai enjin bising dan memberikan faedah terhadap penjimatan daripada aspek kos bahan api kerana tidak menggunakan petrol.



Banjir melanda di sebahagian Lebuh raya Sungai Besi depan Stesen KTM



KERAJAAN NEGERI SELANGOR IKLAN PRA KELAYAKAN KONTRAKTOR

Kerajaan Negeri Selangor berhasrat mempelawa tender dari kontraktor-kontraktor yang layak melalui Pra Kelayakan untuk Mereka Bentuk, Membina, Melengkapkan dan Mentauliahkan (tajuk kerja) **CADANGAN PEMBINAAN LOJI RAWATAN AIR SEMENYIH 2 DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JENDERAM HILIR, DAERAH SEPANG, SELANGOR SECARA REKA DAN BINA.**

KETERANGAN AM KERJA

Lokasi tapak bina terletak di kawasan Sg. Semenyih Water Transfer Facility 1 (WT1) dan berhampiran dengan Stesen Muka Sauk Sedia ada Sungai Semenyih di Kg Jenderam Hilir, Daerah Sepang. Skop kerja bagi projek ini merangkumi kerja-kerja pembinaan Loji Rawatan Air berkapasiti 100 JLH berserta muka sauk, stesen pam, pemasangan paip dan lain-lain kerja yang berkaitan. Kerja dijangka akan dimulakan dalam bulan Mac tahun 2016 dan tempoh penyiapan adalah Lima Belas (15) bulan.

SYARAT-SYARAT UNTUK PRA KELAYAKAN

Pemohonan Pra Kelayakan ini adalah dibuka kepada kontraktor-kontraktor yang menepati syarat-syarat berikut:

1. Pendaftaran Kontraktor

- (a) Jenis Syarikat – Terbuka kepada
 - (i) Syarikat 100% milik warganegara; atau
 - (ii) Syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia; atau
 - (iii) Syarikat usaha sama yang diperbadankan di Malaysia (tidak kira sama ada disenaraikan di BSKL atau tidak) dengan syarat pegangan ekuiti asing tidak melebihi empat puluh sembilan (49%) dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah warganegara.
- (b) Mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Gred G7 dan Kategori CE dengan pengkhususan CE20 dan CE 21 serta Kategori ME dengan pengkhususan M15 dan M19.
- (c) Mempunyai Perakuan Permit IPA Jenis C1 dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).
- (d) Berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor
- (e) Kontraktor berdaftar yang telah digantung oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dari menyertai tender, TIDAK LAYAK untuk menyertai Pra Kelayakan ini dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) hendaklah masih berkuat kuasa sekurang-kurangnya melebihi 3 bulan dari tarikh tutup Pra Kelayakan.

Keupayaan Pemohon *

(a) Keupayaan Kewangan

- Pemohon individu perlu mempunyai nett worth melebihi RM10.0 juta. atau Modal Pusingan (working capital) melebihi RM5.0juta atau Modal Mudah Cair melebihi RM4.5juta
- Pemohon berusaha sama secara kolektif perlu mempunyai nett worth melebihi RM10.0 juta. atau Modal Pusingan (working capital) melebihi RM5.0juta atau Modal Mudah Cair melebihi RM4.5juta

(b) Keupayaan Teknikal

- Telah berjaya melaksanakan dan menyiapkan sekurang-kurangnya satu (1) projek pembinaan Loji Rawatan Air berkapasiti tidak kurang dari 50 JLH dalam tempoh 10 tahun yang lepas di Malaysia; dan
- Telah berjaya melaksanakan dan menyiapkan sekurang-kurangnya satu (1) projek Reka dan Bina terutamanya yang melibatkan industri perkhidmatan air; dan
- Tidak mempunyai rekod prestasi kerja yang tidak memuaskan (Projek Sakit) dalam tempoh lima (5) tahun lepas dari segi tempoh penyiapan dan mutu kerja.

Perunding *

Pemohon dikehendaki melantik satu (1) perunding yang bertauliah dan merupakan perunding bebas (independent and not inhouse consultants) seperti berikut :-

- (a) Berdaftar dengan Lembaga Profesional yang berkenaan.
- (b) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan.
- (c) Mempunyai pengalaman di dalam mereka bentuk dan menyelia projek pembinaan Loji Rawatan Air berkapasiti tidak kurang dari 50 JLH dalam tempoh 10 tahun yang lepas di Malaysia.

* Pemohon wajib mempunyai keupayaan kewangan dan teknikal yang dinyatakan. Bagi Pemohon usaha sama, keupayaan teknikal secara kolektif boleh diterima. Pemohon juga wajib melantik Perunding berdaftar dan bertauliah.

4. Dokumen Pra kelayakan boleh diperolehi di **PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR, Seksyen Makro & Penswastaan, Unit Perancang Ekonomi Negeri, Tingkat 16, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan**, dari 01 Disember 2015 hingga 07 Disember 2015 semasa waktu pejabat. Dokumen Pra kelayakan akan hanya dikeluarkan kepada wakil atau ejen kontraktor yang diberi kuasa sahaja. Wakil atau ejen dikehendaki mengemukakan bukti pendaftaran CIDB dan SPAN dengan menunjukkan sijil/perakuan pendaftaran asal atau salinan yang disahkan.

5. Harga dokumen ialah RM150.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh) senaskah dan hendaklah di buat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang atau Draf Bank di atas nama Bendahari Negeri Selangor. Yuran dokumentasi ini tidak akan dikembalikan.

6. Pemohon hendaklah dikemukakan dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di pejabat berikut: **PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR, Seksyen Makro & Penswastaan, Unit Perancang Ekonomi Negeri, Tingkat 16, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan** tidak lewat dari jam **12 tengahari pada 15 Disember 2015**. Hanya syarikat-syarikat yang di senarai pendek akan dijemput untuk menyertai tender.

7. Dokumen Pra-Kelayakan yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan, berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak akan dipertimbangkan.

8. Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Dokumen Pra-Kelayakan sebelum mengemukakan dokumen yang diperlukan. Jika dokumen yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.

9. Kerajaan Negeri tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan proses pra-kelayakan ini dan tidak terikat untuk memberi apa-apa sebab di atas penolakan untuk dijemput menyertai tender.

10. Kerajaan Negeri tidak terikat untuk memberi maklum balas kepada sebarang bantahan yang mungkin diterima berkenaan proses pra-kelayakan ini dan segala keputusan Kerajaan Negeri adalah muktamad.

Ancaman negatif siber

Lindungi kanak-kanak

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Kanak-kanak perlu dilindungi daripada ancaman dunia siber dan media luas tanpa sempadan, kata Exco Kebajikan, Kesihatan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi.

Beliau berkata, kadar penembusan jalur lebar dan akses internet meluas mendorong gejala tidak sihat seperti pembulian siber, gangguan seksual serta pornografi.

"Ibu bapa atau penjaga mempunyai tanggungjawab memastikan keselamatan kanak-kanak sentiasa terpelihara tidak kira di rumah atau tempat awam," katanya.

Beliau berkata demikian sempena Majlis Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia Peringkat Selangor 2015 di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC), pada 28 November lalu.

Seramai 800 kanak-kanak seluruh negeri hadir bagi memeriahkan sambutan bertemakan 'Kid Safety: Aware And Alert' itu.

Daroyah berkata, kanak-kanak adalah amanah yang perlu dipelihara dengan sempurna dan penuh kasih sayang.

Katanya, ibu bapa tidak seharusnya mengabaikan tanggungjawab mendidik dan memberi perhatian serius khususnya dalam soal keselamatan, perlindungan serta masa hadapan kanak-kanak.

"Pemilihan tema sambutan tahun ini berkaitan dengan keselamatan yang akan dapat memberi kesedaran kepada kita semua berkenaan peranan memelihara hak dan keperluan kanak-kanak," katanya.

Terdahulu, Daroyah menyempurnakan Majlis Penyertaan Terbesar Kanak-kanak di Taska dalam latihan kebakaran dan pertolongan cemas di Taska Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

Program julung kali itu membabitkan 52 taska berdaftar di Selangor dengan kerjasama pelbagai pihak dan mendapat pengiktirafan Malaysia's Book of Record (MBR).

Isu keganasan wanita perlu komitmen serius

SHAH ALAM - Tiada kerjasama erat antara pegawai agensi Malaysia menyebabkan gejala keganasan wanita masih berleluasa sehingga hari ini.

Pemimpin Pertubuhan Inisiatif Pemberdayaan Wanita, Rodziah Ismail, berkata kebanyakan wanita masih tidak mengetahui hak di saat mereka diganasi.

Katanya, Hari Menghapus Keganasan Terhadap Wanita tidak memberi makna walaupun disambut, pada 25 November setiap tahun.

"Wanita seharusnya diberi bantuan yang lebih oleh pegawai agensi antaranya pegawai kebajikan, pegawai polis, mahkamah, pegawai Jabatan Bantuan Guaman serta orang ramai.

"Usaha reaktif tidak akan menjamin hasrat menghapus keganasan terhadap wanita," katanya dalam kenyataan, pada 26 November lalu.

Katanya, wanita disaran melengkapkan diri dengan iman

dan pengetahuan supaya diri mereka tidak diganasi sesiapa.

"Keganasan terhadap wanita adalah pelanggaran yang nyata terhadap hak keinsanan yang boleh dituntut di dunia dan akhirat.

"Justeru, warganegara Malaysia berkepentingan untuk mengetahui isu keganasan terhadap wanita dan bagaimana boleh membantu mengatasinya.

Difahamkan, Hari Menghapus Keganasan Terhadap Wanita memperingatkan warga dunia tentang jenayah dan pelanggaran hak terhadap wanita daripada sudut fizikal, emosi dan mental.

Antara keganasan yang sering berlaku melibatkan kes keganasan rumah tangga, rogol, serangan seksual, penderaan seksual melalui multimedia, paksaan melakukan seks dalam rumah tangga, sumbang mahram, keganasan terhadap wanita hamil dan pemerdagangan manusia.



LZS salur RM25 juta bantuan persekolahan 2016

50,000 pelajar terima manfaat

OKU dan Pak Guard terharu terima bantuan sekolah anak

SHAH ALAM - Bantuan pendidikan Lembaga Zakat Selangor (LZS) ternyata membantu keluarga asnaf fakir dan miskin mendepani cabaran kos sara hidup tinggi.

Orang Kelainan Upaya (OKU), Ahmad Hariri Al-Hadi Md Yusop, 38, berkata beliau menerima bantuan yuran berjumlah RM1,450 dan pakaian persekolahan (RM950) untuk tiga anak yang masih bersekolah.

Katanya, bantuan diterima meringankan bebannya dan isteri yang turut mempunyai enam anak lain.

"Ini kali kedua saya menerima bantuan sedemikian dan lebih mengembirakan ia lebih tinggi berbanding tahun lalu.

"Jika sebelum ini saya membayar zakat, kini apabila menjadi penerima tentu terkejut dalam

masa sama terharu,"katanya yang kini berniaga pakaian terpakai (bundle) di rumahnya di Seksyen 19, pada 26 November lalu.

Beliau adalah salah seorang daripada 652 keluarga yang menerima bantuan pendidikan LZS bagi sesi persekolahan 2016 di Masjid Jamek Raja Tun Uda, di sini, hari ini.

Sementara itu, pegawai keselamatan, Mohd Suhaimi Abdullah, 61, berkata bantuan itu sememangnya diperlukan asnaf sepertinya terutama hanya dia yang mencari nafkah.

"Jika harapkan gaji kecil saya memang tidak cukup untuk tiga anak yang masih bersekolah.

"Dengan keadaan ekonomi sekarang, bantuan seperti ini sangat membantu. Terima kasih banyak kepada pembayar zakat," kata bapa kepada empat anak itu.

1,850 asnaf terima bantuan pendidikan LZS

SHAH ALAM - Seramai 1,850 asnaf fakir dan miskin dari tiga daerah menerima bantuan pendidikan daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS).

LZS dalam posting di Facebook berkata, bantuan itu adalah bagi sesi persekolahan anak asnaf pada 2016 di daerah Petaling, Kuala Selangor dan Hulu Langat.

"Seramai 652 asnaf fakir dan miskin di daerah Petaling menerima bantuan pendidikan RM854,920, manakala 784 penerima di Kuala Selangor dengan agihan RM691,800 dan 414 asnaf fakir miskin di Hulu Langat dengan agihan RM354,850.

"Semoga bantuan pendidikan ini memberi suntikan semangat kepada anak asnaf untuk terus komited dalam menuntut ilmu," katanya.

Majlis penyerahan diadakan serentak di kawasan masing-masing pada 26 November lalu.

LZS turut menyediakan bantuan pendidikan bagi pengajian tinggi sebaik sahaja mereka menerima tawaran melanjutkan pelajaran.

Bantuan pendidikan itu berjumlah antara RM20,000 hingga RM30,000 bagi mereka yang akan melanjutkan pengajian di dalam dan luar negara.

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Seramai 19,009 keluarga asnaf fakir dan miskin membabitkan 49,158 pelajar menerima bantuan pendidikan RM25 juta daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi sesi persekolahan 2016.

Pengurus LZS Daerah Petaling, Zulkepli Md Yatim, berkata daerahnya mencatatkan jumlah tertinggi dengan 11,045 pelajar daripada 3,827 keluarga berjumlah RM5.46 juta.

Katanya, ia disampaikan secara berperingkat mengikut zon, bermula awal November lalu.

"Bantuan diberikan menerusi

dua kaedah iaitu pembayaran akaun melibatkan 3,175 keluarga dan bakinya pula diberikan menerusi tunai.

"Untuk fasa terakhir, sejumlah RM854,920 diberikan kepada 652 keluarga," katanya dalam sidang media, pada 26 November lalu.

Terdahulu, Orang Besar Daerah Petaling, Datuk Emran Kadir menyampaikan sumbangan berjumlah RM654,990 kepada 502 keluarga asnaf miskin manakala 150 keluarga asnaf fakir (RM199,930).

Anak yang bersekolah di pra sekolah menerima RM100 bagi yuran pengajian, sekolah rendah kebangsaan dan sekolah rendah agama menerima RM150 manakala sekolah menengah kebangsaan dan agama pula RM250.

Untuk bantuan pakaian dan peralatan sekolah, setiap penerima menerima antara RM150 hingga RM200.

Penerima boleh mendapatkan keperluan itu di pasar raya Sakan, Mydin dan Jakel terpilih dengan menggunakan MyKad ketua keluarga sebagai rujukan.



#KitakanIslam
BUAT KERANA ALLAH

Sumbangan untuk:
Rumah Ngaji @ Rumah Maghfirah
Maklumat lanjut hubungi: 019-2535794
No Akaun: 1621 5171 1707 (Maybank)



JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/ PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam gred, kategori dan pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat yang Memanggil Tender	Tajuk Projek	Taraf/Jenis Syarikat*	Gred, Kategori, Pengkhususan/ Kelas Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	MEMBINA JALAN ALTERNATIF DARI SHAH ALAM - BANTING DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN (PAKEJ 1 - CH.0.00 - CH.1200.00)	Bumiputera T1	CIDB, SPKK, PPK & UPEN Gred : G5 Kategori : CE Pengkhususan: CE01, CE02 & CE21	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. 30/11/2015 (Isnin) Sehingga 14/12/2015 (Isnin)	RM790.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada: 21/12/2015 (Isnin) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari.

Lawatan Tapak Digalakkan. Sebarang pertanyaan hubungi Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Selangor. No. Telefon: 03 55447702

Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat tender yang diwajibkan, hanya penama yang tercatat di dalam sijil PKK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang/wang pos di atas nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil Kontrak yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor hendaklah membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia serta Sijil Taraf Bumiputra yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (Jika Berkenaan) beserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputra (jika berkenaan)

*Jenis Syarikat Tempatan:
T1 - Syarikat 100% ekuiti Bumiputra milik tempatan (Warganegara)
A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.
A2 - Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

OLEH NORHAYATI UMOR

Wang bukan segalanya

Shaharudin wira sukan basikal negara

AKTIVITI berbasikal di negara ini sudah bermula ketika tentera bersekutu berpangkalan di Tanah Melayu, sejak 1938 apabila pegawai tentera New Zealand, Kapten C O Jennings dan Mendiang Gurchan Singh Gill adalah penggerak utama dalam penubuhan Persekutuan Lumba Basikal Malaya (PLBM), pada Mac 1953.

Ia dianggotai empat negeri iaitu Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Melaka, namun ketika itu lumba basikal bukanlah sukan yang menjadi pilihan ramai, bahkan boleh dikatakan 'nazak'.

Pelumba muda ramai ketika itu tetapi malangnya tiada persatuan untuk membantu mengetengahkan bakat mereka secara lebih meluas.

Kini, 62 tahun sudah berlalu dan sukan lumba basikal mula dilihat membangun, dikenali selain digemari bukan sahaja belia, bahkan pelbagai golongan.

Seperti biasa, 'patah tumbuh hilang berganti'. Namun, 'orang lama' tidak wajar dilupakan kerana segala jasa dan pengorbanan mereka kepada negara wajar dikenang.

Generasi hari ini mungkin lebih mengenali nama-nama seperti Azizulhasni Awang, Josiah Ng atau Rizal Tisin dan beberapa pelumba terdahulu iaitu Rosman Alwi dan M Kumaresan.

Namun, adakah antara kita masih mengingati nama Shaharudin Jaffar iaitu pelumba kebangsaan era 60an dan pelumba negara pertama yang memenangi pingat emas pada Sukan Semenanjung Asia Tenggara (SEAP) di Stadium Merdeka, pada tahun 1965?

Pencapaian dan pembabitan beliau dalam sukan lumba basikal sangat membanggakan terutama berjaya mengharumkan nama negara.

Minat dan cintanya dalam dunia sukan masih segar walaupun sudah mencecah usia 75 tahun. Ketika penulis menemui Shaharudin, mulut dan fikirannya hanya berbicara berkenaan pembangunan sukan sahaja.

Shaharudin, 75, dilahirkan di Perak dan dibesarkan di Sungai Pinang, Klang serta mempunyai Sarjana Pengurusan Sukan di Cardiff, pada tahun 1973.

Melahirkan rasa hibanya ketika menerima anugerah Tokoh Warga Emas peringkat Selangor, Shaharuddin berkata beliau sangat terharu kerana ia satu penghargaan yang tidak dijangka.

Malah, dia berasa lebih hiba



Saya berkecimpung dengan dunia sukan sejak berumur 16 tahun sehingga kini. Walaupun tidak aktif tetapi saya masih berkecimpung menjadi perunding kepada beberapa persatuan dan kelab dalam memajukan aktiviti sukan

kerana tiada sesiapa yang menyanjung pengorbanannya dalam bidang sukan selama ini.

"Seronok dan juga hiba. Ia adalah penghargaan yang mahal bagi saya kerana setakat ini tidak rasa ada orang boleh menyanjung pengorbanan saya selama ini.

"Saya berkecimpung dengan dunia sukan sejak berumur 16 tahun sehingga kini. Walaupun tidak aktif tetapi saya masih berkecimpung menjadi perunding kepada beberapa persatuan dan kelab dalam memajukan aktiviti sukan," katanya.

Bagaimanapun, beliau tidak dapat begitu aktif dengan sukan itu kerana faktor usia dan menjaga isterinya yang kini menghidap kanser peringkat keempat.

"Saya berjanji dengan atas cinta saya dalam bidang ini iaitu akan mencari peluang untuk berbakti dalam sukan berbasikal tidak kira melalui apa juga rintangan," katanya.

Mengulas pencapaian sukan

lumba basikal ketika ini, Shaharudin hanya tersenyum dan mengeluh. Katanya, berat untuk diluahkan.

"Sekarang, banyak pertandingan antarabangsa dipertandingkan berbanding dulu. Walaupun ada satu dua pelumba yang diketengahkan tetapi saya rasa masih belum cukup.

"Apa yang penting minat. Bukan main-main. Sukan harus menjadi sebahagian agenda kehidupan dan perlu menjadi aktiviti seharian bukan sekadar suka-suka dan melepaskan batuk di tangga," katanya.

Bagi dirinya, sukan perlu dijadikan kewajipan dalam hidup sebagaimana kita melaksanakan amal dan ibadah. Malah, katanya, jangan jadikan peruntukan sebagai alasan untuk tidak berjaya.

Shaharudin sebelum iniantang mengemukakan sikap sesetengah atlet yang berbicara berkenaan wang. Hal itu kerana, beliau pernah mengubah nasib Malaysia dalam sukan berbasikal apabila hanya tinggal RM44.60 dalam akaun Persatuan Lumba Basikal Malaysia (kini Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia).

"Itu yang berlaku apabila saya mengambil alih persatuan itu sebagai Setiausaha Agung," katanya.

Shaharudin juga pernah mencabar pimpinan atasan untuk meletak jawatan bagi mengambil tanggungjawab di atas kegagalan yang berlaku pada Sukan Seap di Rangoon apabila mereka pulang dengan tangan kosong pada 1969 hingga menyebabkan lima pegawai berhenti

secara beramai-ramai.

Walaupun berbakti sebanyak itu di dalam akaun, beliau berani menyahut cabaran iaitu 'Tour D'Java' untuk merebut Piala Suharto yang berprestij.

"Kita berjaya mendapatkan RM10,000 daripada Perdana Menteri untuk menghantar pasukan ke Indonesia hasil pujukan Setiausaha Agung Majlis Olimpik Malaysia (MOM). Separuh daripadanya dibelanjakan untuk tiket kapal terbang.

"Untuk menjimatkan kos, kami jalani latihan dalam negeri sahaja. Saya balik negeri asal, isteri saya sediakan makanan kepada pasukan tiga kali sehari. Walaupun bajet terhad, Malaysia muncul juara keseluruhan bagi acara berpasukan," katanya.

Wang selalunya dikaitkan dengan sesebuah kejayaan. Beliau tidak menafikannya terutama di zaman ini apabila setiap pergerakan perlu ada wang. Tetapi adakah wang yang menjadi penentuan bagi setiap kejayaan?

Jika pasukan itu boleh merangkul kemenangan keseluruhan pada Piala Suharto, bahkan Jelajah Jawa dan Sukan Asia di Bangkok 1970, jadi apakah hanya dengan wang sahaja kita boleh berjaya?

Pada Mac 1966, Shaharudin menubuhkan Persatuan Lumba Basikal Kedah dan seterusnya menjadi setiausaha sehingga 1968 dengan melahirkan beberapa orang jaguh basikal yang lahir di Kedah antaranya AS Fazil, AB Rahim, Zainon Osman, Jamil Ishak dan Omar Saad. Mereka pernah mewakili negara ke Sukan SEA, Asia dan Olimpik.

Pada 1968, beliau terus menerajui Persatuan Lumba Basikal Melaka yang ketika itu dalam keadaan 'nazak'.

Ketika bertugas di Melaka, beliau membantu Johor menubuhkan Persatuan Lumba Basikal Johor yang ketika itu mempunyai ramai pelumba muda tetapi tiada persatuan.

Pada zaman itu muncul ramai pelumba handalan seperti Daud Ibrahim, Kamarden Ali, Fazil Ibrahim, Sulaiman Anang dan Jasmi Baba.

Pada Mac 1969, beliau menubuhkan Persatuan Lumba Basikal Negeri Sembilan yang diterajui mendiang MT Lingam iaitu ketua biro akhbar The Star di Seremban.

Manakala pada akhir 1969, Shaharudin menubuhkan Persatuan Lumba Basikal Pahang yang dipimpin Datuk Lim Ah Lek dan menubuhkan pasukan basikal Pahang serta pasukan basikal Polis Diraja Malaysia pada awal 70an.

Katanya, pelapis bagi sukan lumba basikal sangat diperlukan ketika ini, bahkan perlu digilap bermula daripada peringkat sekolah supaya dapat melahirkan bakat muda dalam sukan terbabit.

"Sukan berbasikal tidak memerlukan kemudahan yang begitu eksklusif untuk atlet atau bakat muda berlatih.

"Kita ada padang rumput, jalan raya dan kawasan lapang. Jadi tiada masalah untuk bakat muda ini dilatih," katanya.

Beliau turut mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya menganjurkan satu majlis 'Jasamu di Kenang' bagi menghargai atlet lama di Selangor.



Tajaan RM400,000

Worldwide bangunkan belia

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah mencemar duli menyampaikan hadiah sempena kejohanan Golf Jemputan Raja Muda Worldwide Holdings Selangor 2015 di Glenmarie Golf & Country Club, pada 28 November lalu.

Baginda diiringi Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali dan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Datuk Mohamed Khusrin Munawi.

Kejohanan itu bertujuan mendapatkan sumbangan agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), badan korporat, swasta dan individu untuk menggerakkan aktiviti di samping meningkatkan jaringan kerja dengan Kerajaan Negeri.

Pada majlis itu, dianggarkan RM1 juta berjaya dikumpul daripada 20 penaja antaranya Worldwide Holdings Berhad, Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB), Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB).

Worldwide menjadi penaja utama berjumlah RM400,000 untuk disumbangkan kepada Tabung Amanah Yayasan Raja Muda Selangor.

Penganjuran golf itu menawarkan tiga kategori iaitu Medal A, Medal B dan Medal C.



Kategori A dijuarai Salim Saein mewakili individu, kategori B dimenangi Datuk Saifulhairul Tan, sementara juara bagi kategori C milik Ami Nordin Ishak daripada Worldwide.

Setiap pemenang menerima RM1,000 bagi tempat pertama, RM800 untuk tempat kedua dan RM600 untuk tempat ketiga.

Popularkan sepak takraw cungkil bakat baru

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri disaran memperbanyakkan pertandingan sepak takraw di peringkat daerah bagi mempopularkan sukan terbabit serta menarik minat belia menyertainya.

Adun Dusun Tua, Razaly Hassan, berkata sebagai negeri yang pernah cemerlang dalam sukan itu, maka sewajarnya langkah memperkasakan kembali dilaksanakan bagi mengulangi pencapaian lampau.

"Selangor dahulu terkenal dengan sukan ini tetapi sekarang dilihat pembangunannya tidak begitu terdedah kerana apa saya perhatikan contohnya di peringkat daerah tiada usaha memperbanyakkan permainan atau pertandingan bagi mencungkil bakat baharu.

"Disarankan, sepak takraw diperkasa kembali kerana kini banyak negara berminat membabitkan diri dalam permainan ini di peringkat antarabangsa," katanya kepada Selangor Kini.

Mantan pemain negeri itu, berkata Selangor boleh memulakan pendekatan itu sebagai perintis demi kebaikan pasukan sepak takraw negara dengan segala kemudahan tersedia dan populasi tinggi di kalangan golongan muda.

Katanya, dahulu pasukan negara digeruni musuh tradisi, Thailand tetapi sekarang saingan lebih terbuka dan luas dengan pembabitan aktif Korea, China serta negara Asia lain selain Timur Tengah yang begitu berminat dengan sukan itu.

"Kita berharap jika kerajaan mahu mengekalkan nama negara dalam sukan sepak takraw, maka perlu difikirkan pemberian imbuhan munasabah kepada pemain bersesuaian dengan keadaan masa kini," katanya.

Sebelum ini, Adun Kajang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata kekurangan penganjuran kejohanan sukan di peringkat belia di DUN terbabit menjadi antara intipati utama penganjuran Kejohanan Sepak Takraw Piala Adun Kajang.

"Ini adalah permulaan, selepas ini kita akan memperhebatkan lagi kejohanan sukan lain dalam menyemarakkan budaya hidup sihat.

"Tidak seperti dahulu, sepak takraw kini kurang diminati. Oleh sebab itu, kita anjurkan kejohanan yang antaranya adalah untuk mempromosi kembali sukan tradisi ini dalam kalangan belia," katanya.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
4 - 11 DISEMBER 2015							
22 - 29 SAFAR 1437H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
04 Jumaat	5:35	5:45	7:06	1:06	4:28	7:02	8:17
05 Sabtu	5:35	5:45	7:07	1:06	4:29	7:03	8:17
06 Ahad	5:35	5:45	7:07	1:07	4:29	7:03	8:18
07 Isnin	5:36	5:46	7:08	1:07	4:30	7:04	8:18
08 Selasa	5:36	5:46	7:08	1:08	4:30	7:04	8:18
09 Rabu	5:36	5:46	7:09	1:08	4:31	7:04	8:19
10 Khamis	5:37	5:47	7:09	1:09	4:31	7:05	8:19
11 Jumaat	5:37	5:47	7:10	1:09	4:32	7:05	8:20
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
04 Jumaat	5:37	5:47	7:08	1:08	4:30	7:04	8:19
05 Sabtu	5:37	5:47	7:09	1:08	4:31	7:05	8:19
06 Ahad	5:37	5:47	7:09	1:09	4:31	7:05	8:19
07 Isnin	5:38	5:48	7:10	1:09	4:32	7:05	8:20
08 Selasa	5:38	5:48	7:10	1:10	4:32	7:06	8:20
09 Rabu	5:39	5:49	7:11	1:10	4:33	7:06	8:21
10 Khamis	5:39	5:49	7:11	1:11	4:33	7:07	8:21
11 Jumaat	5:39	5:49	7:12	1:11	4:34	7:07	8:22

Karnival GEN-S

Menjunjung Kasih 2015

• 5/12/2015 (Sabtu) • 6.00pg. ~12.00 mlm.
• Padang Sultan Suleiman, Klang

SENARAI ACARA DAN PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI

ACARA	NAMA & NO TELEFON	
Larian Menjunjung Kasih 2015 (5 KM & 10 KM)	En Mazlah En Zee Hairie	016 318 5960 017 601 6390
Battle Chess Selangorku	En Muriza	014 6058 697
Gen - S Radio Controlled (RC) Car Challenge	Hj Wahab	013 335 1275
Pertandingan Tamiya Semi Speed Long Jump	Boy Umi	011 2636 3921 012 942 0144
Himpunan Waja Diri (Seni mempertahankan diri Silat)	En Ismail	011 1573 1934
Pertandingan Badan Cantik Mr. Gen-S 2015	Zack Rockstar	012 298 6566
Autoshow Kereta dan Motor	En Fahmi En Hamdan	012 224 3244 019 600 3900
Himpunan Artis Graffiti	En Salehudin	013 380 9600
Bengkel Karikatur/Lukisan	En Fariq	012 208 8224
Sukan Ekstrim BMX, Skateboard, In-Line Skate	En Hasan	012 605 4369

Jualan Keusahawanan
Pesta Muzik Dan Persembahan Kebudayaan

msn_selangor
Gen-S # Selangorku # SmartSelangor #MKLK

JOM DATANG RAMAI-RAMAI !!!

Piala Malaysia: Selangor mara separuh akhir bertemu Pahang

SHAH ALAM - Selangor layak ke separuh akhir TM Piala Malaysia 2015 berdepan juara bertahan Pahang selepas berjaya mengikat Sarawak 1-1 pada perlawanan suku akhir kedua di Stadium Shah Alam, pada 28 November lalu.

Ia sekali gus mengatasi pencapaian musim lalu apabila skuad kendalian Mehmet Durakovic itu disingkirkan Felda United di peringkat suku akhir.

Kali terakhir Selangor yang juga juara 32 kali Piala Malaysia berjaya melangkah ke separuh akhir pada

2012 sebelum disingkirkan Kelantan juara edisi tahun itu.

Perlawanan separuh akhir pertama berlangsung di Stadium Darul Makmur, Kuantan pada 2 Disember ini, manakala separuh akhir kedua di Stadium Shah Alam, pada 6 Disember ini.

Sementara itu, satu lagi separuh akhir menyaksikan juara Liga Perdana 2015, Kedah yang mengatasi PKNS akan bertemu Felda United yang berjaya menyingkirkan juara Liga Super 2015, Johor Darul Ta'zim (JDT).

Selesa dan fleksibiliti

Sistem pengurusan Stadium Shah Alam diperbaiki

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Persatuan Bola sepak Selangor (FAS) akan memperbaiki sistem pengurusan stadium pada masa hadapan, kata Pengurus Pasukan Liga Super Selangor, Amirudin Shari.

Beliau berkata, pihak pengurusan stadium akan membuka dua hingga tiga pintu selepas separuh masa kedua sehingga tamat perlawanan.

Katanya, ia bagi memberikan keselesaan dan fleksibiliti kepada penyokong dan penonton.

"Bagaimanapun kita hanya membenarkan pemegang tiket masuk dengan bantuan kawalan polis.

"Untuk makluman, pihak pengurusan stadium sentiasa memastikan sistem terbaik bagi menjamin kelesaan dan keselamatan penyokong," katanya dalam kenyataan, pada 29 November lalu.

Pada 28 November lalu, seba-

hagian penyokong tidak dibenarkan masuk ke Stadium Shah Alam bagi menyaksikan perlawanan antara Selangor dan Sarawak kerana terlewat.

Sebelum ini, pintu pagar ditutup sebaik jualan tiket berakhir iaitu pada minit ke-60 permainan (15 minit selepas separuh masa kedua bermula).

Kemudian, pada minit ke-80 permainan (10 minit sebelum masa perlawanan tamat) pintu pagar akan dibuka semula dan membenarkan penyokong masuk secara percuma.

Amirudin berkata, praktis itu digubal atas nasihat polis untuk keselamatan apabila pintu pagar ditutup pada minit ke-60 permainan sebaik jualan tiket tamat dan dibuka semula 10 minit selepas permainan tamat.

Katanya, langkah itu bagi mengelak bahan terlarang dibawa masuk terutama yang berpotensi mencetuskan kebakaran.

"Bagi FAS dan pengurusan

Untuk makluman, pihak pengurusan stadium sentiasa memastikan sistem terbaik bagi menjamin kelesaan dan keselamatan penyokong

AMIRUDIN SHARI
Pengurus Pasukan Liga Super Selangor

pasukan saya lahirkan dukacita atas salah faham berkenaan dan harap ia tidak menjejaskan penyokong untuk hadir pada perlawanan separuh akhir Selangor menentang Pahang, pada 6 Disember ini.

"Sekali lagi, saya mohon maaf atas sebarang kesukaran dan tetap berpendirian bahawa penyokong setia adalah sumber kekuatan kami," katanya.

MBI Menteri Besar Incorporated

SELANGOR

HIJRAH SELANGOR

KARNIVAL USAHAWAN HIJRAH SELANGOR

KAWAN '15

4 - 6 DISEMBER 2015

TAMAN TASIK CEMPAKA, BANDAR BARU BANGI

PELBAGAI AKTIVITI MENARIK

LARIAN DENAI | PERTANDINGAN MEMANCI

SENAMROBIK | PERTANDINGAN MEWARNA

SUKAN RAKYAT

CABUTAN BERTUAH MERENTI ANDAI!

Y.A.B MOHAMMED AZMIN ALI DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

PENAMPILAN KHAS & ARTIS UNDANGAN

RAQIB MAJID | USTAZ JAY | SITI NORDIANA

THE HULUBALANGS

FINALIS AF | AYAI ILLUSI | ANI RAFAEL

PITEN LAWAK WARNA

DATANGLAH BERAMAI-RAMAI!!

Dengan Kerjasama

Media Rasmi

tv5 Selangor Kini

PETA LOKASI KAWAN '15
Karnival Usahawan Hijrah Selangor

PETUNJUK KHEMAY:

- VENDOR
- PEMANDOR
- USAHAWAN HIJRAH
- URUSETIA

Diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Angkatan Edaran Ent Sdn Bhd Lot 6, Jln Tukang 16/4, Sek. 16, 40000, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Tel : 03-5519 6373 Fax : 03-5512 7985